

**TEMPLATE**  
**BUKU PROFIL PENYELIDIKAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL**  
**(FRGS) FASA 1/2013 DAN FASA 2/2013**

---



**KAJIAN TAHAP KETERANCAMAN BAHASA CHE WONG**  
**(STUDY OF THREATENED LEVEL OF CHE WONG)**

**DR. JAMAL RIZAL BIN RAZALI**

- 1. DR. RASHIDI BIN ABBAS**
- 2. DR. HASMADI BIN HASSAN**
- 3. DR. ZURAINA BT ALI**
- 4. IMADUDDIN BIN ABIDIN**
- 5. HASLINDA @ ROBITA BT HASHIM**
- 6. ABDULLAH ADNAN BIN MOHAMED**
- 7. JAMILAH BEBE BT MOHAMMED**
- 8. ANIS NABILLA BINTI AHMAD**
- 9. MOHD JIHAN BIN MOHD HASSAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN**  
[\*\*jamalrizal@ump.edu.my\*\*](mailto:jamalrizal@ump.edu.my)  
**Arts & Applied Arts / Language & Linguistics**

## Penghargaan


Bahan di dalam laporan ini adalah hasil kajian bertajuk KAJIAN TAHAP KETERANCAMAN BAHASA CHE WONG (*STUDY OF THREATENED LEVEL OF CHE WONG*) yang telah dijalankan dari 2 November 2015 hingga 1 Mei 2019 menggunakan dana tajaan Geran Penyelidikan Fundamental, Kementerian Pelajaran Malaysia berjumlah RM100,000 dengan nombor RDU150108. Sehubungan dengan itu, pasukan pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia PAHANG yang telah memberi kepercayaan kepada pasukan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyelidikan ini. Secara khusus, ucapan penghargaan ini ditujukan kepada semua responden dan informan yang telah membekalkan semua data yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian ini. Perantara dalam penyelidikan ini, YBhg Ustazah Zaiwiyah Ali (Pegawai Penggerak Masyarakat di Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)) dan Cik Anis Nabila Ahmad, Pelajar Pasca Siswazah di bawah geran ini kerana usaha mereka melancarkan penyelidikan ini. Semoga semua usaha mereka yang terlibat tetapi tidak mampu disebutkan satu per satu namanya, akan diberkati Allah SWT.

JAMAL RIZAL BIN RAZALI

DR. RASHIDI BIN ABBAS  
DR. HASMADI BIN HASSAN  
DR. ZURAINA BT ALI  
IMADUDDIN BIN ABIDIN  
HASLINDA @ ROBITA BT HASHIM  
ABDULLAH ADNAN BIN MOHAMED  
JAMILAH BEBE BT MOHAMMED  
ANIS NABILLA BINTI AHMAD  
MOHD JIHAN BIN MOHD HASSAN

1 Mei 2019, Kuala Pahang




8/10/2019

**Dr. Jamal Rizal bin Razali**  
Deputy Dean (Research & Postgraduate Studies)  
Centre for Human Sciences  
Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,  
Pahang, Malaysia

## KANDUNGAN

	Penghargaan	i
	Kandungan	ii
	LAPORAN AKHIR	1
	Abstrak	2
1.0	Pengenalan	3
	1.1 Situasi Kebhasaan Secara Umum	4
	1.2 Kriteria Kelangsungan Hidup Bahasa UNESCO (Language Vitality Criteria, 2003)	5
2.0	Objektif Kajian	5
3.0	Metodologi	6
	3.1 Tempat Kajian	6
	3.2 Kaedah Kajian	7
4.0	Tinjauan Literatur	8
	4.1 Masyarakat Che Wong dan Realiti Kebahasaannya	9
	4.2 Orang Asli di Malaysia	10
5.0	Dapatan Kajian	12
	5.1 Che Wong	12
	5.2 Asal-usul Che Wong	12
	5.2.1 Versi Pertama : Keturunan Tuhan	13
	5.2.2 Versi Kedua : Keturunan Raja	13
	5.2.3 Versi Ketiga : Keturunan Sang Kelembai	13
	5.2.4 Versi Keempat : Pelabelan oleh orientalis berdasarkan catatan Howell (1984)	14
6.0	Demografi Masyarakat Che Wong	15
	6.1 Perbandingan antara Generasi	16
	6.2 Perbandingan antara Jantina	16
	6.3 Perbandingan antara Agama	16
7.0	Bahasa	17
8.0	Pendidikan	17
9.0	Kegiatan Ekonomi	17
10.0	Dapatan dan Objektif	18
	10.1 Objektif 1 : Mengukur dan menentukan tahap keterancaman bahasa Che Wong	18
	10.2 Objektif 2 : Menganalisis sudut pandang dunia komuniti Che Wong dan sistem kekerabatan melalui penggunaan Bahasa	19
	10.3 Objektif 3 : Mengenalpasti pilihan bahasa komuniti Che Wong dalam pelbagai domain	20
	10.4 Objektif 4 : Mendokumentasikan aspek-aspek linguistik bahasa Che Wong	24
	10.5 Objektif 5 : Membangunkan aplikasi atas talian bagi membantu pengekalan bahasa Che Wong	24
11.0	Kesimpulan	25
	Pencapaian	26
	i. Senarai Penerbitan	26
	ii. Senarai Persidangan	27

iii.	Sumber Manusia	51
iv.	Anugerah	52
v.	Harta Intelek	56
	Gambar Sepanjang Kajian	57
	Bibliografi	91



**LAPORAN AKHIR**  
**SKIM GERAN PENYELIDIKNA FUNDAMENTAL (FRGS)**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**TAJUK PENYELIDIKAN : KAJIAN TAHAP KETERANCAMAN BAHASA CHE  
WONG**

**NOMBOR GERAN : RDU 150108**

**JUMLAH GERAN : RM100,000.00**

**TEMPOH PROJEK : 02 November 2015 – 1 Mei 2019**

**KETUA PROJEK : DR JAMAL RIZAL BIN RAZALI**

**PENYELIDIK BERSAMA :**

**Hasmadi Hassan**

**Zuraina Ali**

**Rashidi Abbas**

**Imaduddin Abidin**

**Haslinda @ Robita Hashim**

**Jamilah Bebe Mohamad**

**Abdullah Adnan Mohamed**

**Anis Nabilla Ahmad**

**Mohd Jihan Mohd Hassan**

**UMP**

## Abstrak

Jumlah penutur sesebuah bahasa sangat berkaitan dengan kelangsungan hidup (survival) sesebuah bahasa kerana jumlah penutur akan menentukan peranan, kepentingan bahasa dan proses pewarisan budaya dan bahasa ibunda penutur ke generasi berikutnya. Jika keadaan ini tidak diberi perhatian, bahasa tersebut menuju ke arah keusangan dan seterusnya menjadi nazak. Akhirnya, bahasa tersebut akan pupus kerana ketiadaan penutur dan juga tidak lagi berfungsi dalam sesebuah komuniti. Kepupusan sesebuah bahasa adalah bencana kepada kelangsungan hidup sesebuah suku bangsa mahupun kemanusiaan itu sendiri kerana melalui bahasa, manusia menyimpan atau merakam pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan dan sebagainya. Di Malaysia, Che Wong iaitu salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli yang tergolong dalam Senoi subgroup sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya yang ketara. Sehingga hari ini, jumlah anggota kaum Che Wong dianggarkan hanya tinggal sekitar 400 ke 600 orang (Sariffuddin 2013:13, rujuk juga JAKOA 2008, 2014) dan situasi ini memberi kesan terhadap bahasa mereka. Bahasa Che Wong dikategorikan dalam Bahasa Aslian (keluarga Bahasa Mon-Khmer) (Signe Howell 2006:65) atau Bahasa Asli Utara (Sariffuddin 2013:7). Kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengukur dan menentukan tahap keterancaman bahasa Che Wong yang terkini. Hal ini turut melibatkan pengaruh faktor kontekstual penggunaan bahasa yang mempengaruhi sudut pandang dunia serta sistem kekerabatan komuniti tersebut. Data kajian ini ialah percakapan suku kaum Che Wong akan dikumpul menggunakan pendekatan emik (emic) dan linguistik lapangan. Pendokumentasian melibatkan teknik pengumpulan data linguistik yang sistematik, berstruktur dan komprehensif termasuk metadata yang melibatkan aspek kontekstual penggunaan bahasa komuniti tersebut. Adalah diharapkan melalui kajian ini, tahap keterancaman bahasa Che Wong akan dapat dikenalpasti dan data yang didokumentasikan itu akan disimpan dalam bentuk korpus linguistik secara salinan lembut (soft copy), salinan keras (hard copy) dan digital untuk rujukan dan kajian pada masa depan.

*Katakunci : Che Wong, bahasa terancam, sikap penutur, pilihan bahasa*

UMP

## Abstrak

Jumlah penutur sesebuah bahasa sangat berkaitan dengan kelangsungan hidup (survival) sesebuah bahasa kerana jumlah penutur akan menentukan peranan, kepentingan bahasa dan proses pewarisan budaya dan bahasa ibunda penutur ke generasi berikutnya. Jika keadaan ini tidak diberi perhatian, bahasa tersebut menuju ke arah keusangan dan seterusnya menjadi nazak. Akhirnya, bahasa tersebut akan pupus kerana ketiadaan penutur dan juga tidak lagi berfungsi dalam sesebuah komuniti. Kepupusan sesebuah bahasa adalah bencana kepada kelangsungan hidup sesebuah suku bangsa mahupun kemanusiaan itu sendiri kerana melalui bahasa, manusia menyimpan atau merakam pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan dan sebagainya. Di Malaysia, Che Wong iaitu salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli yang tergolong dalam Senoi subgroup sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya yang ketara. Sehingga hari ini, jumlah anggota kaum Che Wong dianggarkan hanya tinggal sekitar 400 ke 600 orang (Sariffuddin 2013:13, rujuk juga JAKOA 2008, 2014) dan situasi ini memberi kesan terhadap bahasa mereka. Bahasa Che Wong dikategorikan dalam Bahasa Aslian (keluarga Bahasa Mon-Khmer) (Signe Howell 2006:65) atau Bahasa Asli Utara (Sariffuddin 2013:7). Kajian yang akan dijalankan ini bertujuan untuk mengukur dan menentukan tahap keterancam bahasa Che Wong yang terkini. Hal ini turut melibatkan pengaruh faktor kontekstual penggunaan bahasa yang mempengaruhi sudut pandang dunia serta sistem kekerabatan komuniti tersebut. Data kajian ini ialah percakapan suku kaum Che Wong akan dikumpul menggunakan pendekatan emik (emic) dan linguistik lapangan. Pendokumentasian melibatkan teknik pengumpulan data linguistik yang sistematik, berstruktur dan komprehensif termasuk metadata yang melibatkan aspek kontekstual penggunaan bahasa komuniti tersebut. Adalah diharapkan melalui kajian ini, tahap keterancam bahasa Che Wong akan dapat dikenalpasti dan data yang didokumentasikan itu akan disimpan dalam bentuk korpus linguistik secara salinan lembut (soft copy), salinan keras (hard copy) dan digital untuk rujukan dan kajian pada masa depan.

*Katakunci : Che Wong, bahasa terancam, sikap penutur, pilihan bahasa*

UMP



## 1.0 PENGENALAN

Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh individu dan sesebuah masyarakat bahasa untuk berinteraksi dan bertukar-tukar maklumat. Menurut Lyon (1981), bahasa ialah salah satu alat yang paling berkesan untuk berkomunikasi. Bahasa sangat penting kepada mereka kerana melaluinya, tersimpan pelbagai maklumat dan khazanah tentang kewujudan mereka dan alam sekelilingnya. Melaluinya, manusia mencipta, berkongsi, menghantar, menerima dan merakam pelbagai maklumat dan khazanah (Jamal Rizal, 2014b). Namun demikian, bahasa juga terdedah kepada risiko kematian sama seperti manusia yang menggunakannya. Banyak pendapat yang menyatakan bahawa kehilangan atau kepupusan sesebuah bahasa juga bermakna kehilangan sebuah tamadun bangsa. Secara harfiahnya, kewujudan fizikal sesebuah bangsa atau kaum itu mungkin masih ada namun demikian falsafah pemikiran, nilai budi, perspektif atau disebut sebagai “weltanschauung” bangsa tersebut akan lenyap.

Hal ini telah terjadi sepanjang sejarah dunia yang telah menyaksikan banyak “weltanschauung” telah lenyap seperti bangsa Maya yang membina “Macchu-Piccu”, bangsa Mesir yang membina piramid Agung Giza, orang Gaelic yang berbahasa Gaelic atau Celtic di Scotland, bahasa Kenaboi di Negeri Sembilan, Seru (Sarawak), Wila’ (Pulau Pinang) dan banyak lagi (rujuk <http://www.ethnologue.com/language>). Salah satu contoh yang paling mudah ialah bahasa Latin. Pada zaman Kebangkitan (Reinansance yang bermula pada abad ke-13 Masihi), bahasa Latin adalah bahasa utama dalam semua bidang kehidupan seperti bahasa percakapan, bahasa ilmu, tulisan dan sebagainya. Jika kita mengkaji lebih dalam lagi, kita akan menemui pelbagai dokumen yang ditulis oleh tokoh-tokoh pada zaman itu seperti Leonardo Da Vinci, Machiavelli, Galilei, Copernicus dan lain-lain lagi menggunakan bahasa Itali lama dan bahasa Latin.

Kepentingan bahasa Latin dapat dibuktikan melalui pelbagai nama saintifik tumbuhan, haiwan mahupun penyakit yang dinamakan menggunakan bahasa Latin seperti *Morinda citrifolia* (Mengkudu), *Cocos nucifera* (kelapa), *Artocarpus heterophyllus* (nangka), *Zea mays* (jagung), *Gallus gallus bankiva* (ayam kampung), *Elephas maximus* (gajah), *morbus* (penyakit atau kesakitan) dan sebagainya. Karya atau hasil tulisan tokoh-tokoh ini yang dikategorikan sebagai magnum opus, masih lagi digunakan sehingga ke hari ini sebagai sumber rujukan utama bidang-bidang yang berkaitan.

Namun demikian, bahasa ini tidak lagi digunakan secara meluas sebagai medium komunikasi dan keadaan ini menjadikan bahasa Latin sebagai bahasa yang semakin dilupakan. Hal ini juga berkaitan dengan daya kelangsungan hidup (survival) bahasa tersebut atau dengan kata lain yang lebih mudah difahami ialah, peranan dan kadar penggunaan bahasa tersebut dalam proses komunikasi semakin berkurangan.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa sebab lain yang berkaitan dengan kehilangan sesebuah bahasa. Secara fizikalnya, sesebuah bahasa itu akan hilang apabila penutur bahasa tersebut turut hilang seperti mengalami kematian, pupus atau tidak lagi mahu menuturkan bahasa tersebut. Bahasa Eyak (daripada rumpun bahasa Dené-Yenisei yang terdiri daripada tiga Bahasa iaitu Na-Dene, Athabaska-Eyak dan Eyak) di Alaska tidak



lagi dituturkan selepas kematian penutur terakhirnya iaitu, Marie Smith-Jones pada tahun 2008 (1918-2008). Hal yang sama juga berlaku kepada bahasa Scottish Gaelic apabila Margaret McMurray meninggal dunia pada tahun 1760, Hazel M. Simpson pula meninggal dunia pada tahun 2014 menandakan berakhirnya penggunaan bahasa Klallam yang dituturkan oleh penduduk di kawasan Vancouver, Washington DC dan British Columbia.

Daripada perspektif lain, sikap penutur dan pemilihan bahasa juga menyumbang kepada hidup atau mati sesebuah bahasa. Di Singapura, terdapat 4 bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Namun demikian, tidak semua bahasa tersebut digunakan secara massa. Jika kita lakukan tinjauan secara rambang, bahasa Inggeris adalah bahasa pilihan utama orang-orang yang tinggal di Singapura tanpa mengira latar belakang kaum mereka. Hal ini juga sebenarnya juga mendorong kepada status “kesihatan” sesuatu bahasa. Gejala ini dikenali sebagai “kenazakan bahasa” kerana terdapat bahasa yang terpinggir dan tidak berpeluang digunakan sebagai alat komunikasi dan interaksi anggota masyarakat.

### 1.1 Situasi Kebahasaan Secara Umum

Menurut UNESCO, kekurangan penutur sesebuah bahasa adalah satu petanda “*primer*” yang sering dijadikan sebagai pengukur bagi meramal hidup atau mati sesebuah bahasa. Di samping itu, peranan bahasa tersebut atau daya kepenggunaan bahasa tersebut dalam proses komunikasi juga merupakan salah satu punca utama bahasa tersebut hidup atau mati. Hal ini juga sangat berkaitan dengan sikap penutur terhadap bahasanya atau dengan kata lain, pemilihan bahasa yang digunakan olehnya juga dapat dijadikan sebagai satu petunjuk untuk menilai “kesihatan” atau keberadaan bahasa tersebut.

Sehingga kini, *UNESCO's Atlas of the World's Languages in Danger* telah menyenaraikan sebanyak 2,473 bahasa berada dalam status terancam pupus. Keadaan atau “kesihatan” bahasa-bahasa ini dikategorikan kepada lima tahap iaitu,

No.	Tahap	Keterangan
1.	tidak selamat atau terdedah ( <i>unsafe or vulnerable</i> )	masih dituturkan oleh kebanyakan kanak-kanak, tetapi terbatas kepada beberapa domain sahaja (di rumah, bersama anggota keluarga)
2.	terancam ( <i>definitely endangered</i> )	tidak lagi dianggap dan pelajari oleh kanak-kanak sebagai bahasa ibunda
3.	sangat terancam ( <i>severely endangered</i> )	hanya dituturkan oleh golongan tua, masih difahami oleh generasi berikutnya tetapi tidak digunakan sebagai bahasa pertuturan dengan generasi baharu (anak-anak mereka).
4.	teruk terancam atau nazak ( <i>critically endangered</i> )	hanya dituturkan oleh golongan tua dan jarang dituturkan
5.	pupus ( <i>extinct</i> )	tidak lagi wujud

Jadual 1 Tahap kesihatan (*language vitality*) sesebuah bahasa (UNESCO, 2012)

## 1.2 Kriteria Kelangsungan Hidup Bahasa UNESCO (*Language Vitality Criteria*, 2003)

Daripada perspektif yang lebih luas, gejala “dying language” atau kenazakan bahasa ini telah menjadi salah satu daripada agenda utama UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). Hal ini diletakkan secara khusus dalam ruang lingkup pemuliharaan khazanah dunia, iaitu bahasa. Melalui Mesyuarat Pakar UNESCO yang dihadiri oleh pakar-pakar Linguistik dari seluruh dunia dan pelbagai bidang kajian berkaitan pada Mac 2003, badan itu telah menggariskan sembilan kriteria yang boleh digunakan untuk menentukan survival atau kelangsungan daya hidup bahasa. Sembilan kriteria tersebut ialah,

No.	Kriteria
1.	Pewarisan antara generasi penutur bahasa
2.	Jumlah mutlak penutur
3.	Nisbah penutur dengan jumlah komuniti
4.	Trend dalam domain bahasa yang sedia ada
5.	Respon kepada domain dan media baru
6.	Bahan-bahan pendidikan bahasa dan literasi
7.	Polisi bahasa
8.	Sikap anggota komuniti terhadap bahasa mereka sendiri
9.	Jumlah dan kualiti pendokumentasian

Jadual 2 Kriteria Kelangsungan Bahasa (*Language Vitality*) (disesuaikan dari Lewis, 2006 dan Berzinger et al 2003).

Dalam konteks perbincangan ini, di Malaysia, masyarakat Che Wong yang tergolong dalam sub-group Senoi sedang mengalami proses penyusutan jumlah anggota yang sangat ketara (JAKOA 2006, 2008, 2010, 2012, 2015, lihat juga Anis 2016, Jamilah 2016, Jamal Rizal 2015b, 2015c, 2015d, Hamid Isa 2016). Hal ini turut memberi kesan kepada bahasa yang mereka tuturkan. Daripada sudut pandang linguistik atau hal ehwal kebahasaan masyarakat Che Wong, bahasa mereka tergolong dalam bahasa minoriti, fenomena ini sangat menarik untuk dikaji dan dianalisis. Hal ini demikian kerana, secara lahiriahnya, bahasa tersebut hanya dituturkan oleh komuniti itu sahaja dan keadaan ini sebenarnya merupakan salah satu gejala kepupusan bahasa.

## 2.0 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai lima (5) objektif, iaitu:

- 2.1 Mengukur dan menentukan tahap keterancaman bahasa Che Wong
- 2.2 Menganalisis sudut pandang dunia komuniti Che Wong dan sistem kekerabatan melalui penggunaan bahasa
- 2.3 Mengenalpasti pilihan bahasa komuniti Che Wong dalam pelbagai domain
- 2.4 Mendokumentasikan aspek-aspek linguistik bahasa Che Wong
- 2.5 Membangunkan aplikasi atas talian bagi membantu pengekalan bahasa Che Wong

## 1.0 PENGENALAN

Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh individu dan sesebuah masyarakat bahasa untuk berinteraksi dan bertukar-tukar maklumat. Menurut Lyon (1981), bahasa ialah salah satu alat yang paling berkesan untuk berkomunikasi. Bahasa sangat penting kepada mereka kerana melaluinya, tersimpan pelbagai maklumat dan khazanah tentang kewujudan mereka dan alam sekelilingnya. Melaluinya, manusia mencipta, berkongsi, menghantar, menerima dan merakam pelbagai maklumat dan khazanah (Jamal Rizal, 2014b). Namun demikian, bahasa juga terdedah kepada risiko kematian sama seperti manusia yang menggunakannya. Banyak pendapat yang menyatakan bahawa kehilangan atau kepupusan sesebuah bahasa juga bermakna kehilangan sebuah tamadun bangsa. Secara harfiahnya, kewujudan fizikal sesebuah bangsa atau kaum itu mungkin masih ada namun demikian falsafah pemikiran, nilai budi, perspektif atau disebut sebagai “weltanschauung” bangsa tersebut akan lenyap.

Hal ini telah terjadi sepanjang sejarah dunia yang telah menyaksikan banyak “weltanschauung” telah lenyap seperti bangsa Maya yang membina “Macchu-Piccu”, bangsa Mesir yang membina piramid Agung Giza, orang Gaelic yang berbahasa Gaelic atau Celtic di Scotland, bahasa Kenaboi di Negeri Sembilan, Seru (Sarawak), Wila’ (Pulau Pinang) dan banyak lagi (rujuk <http://www.ethnologue.com/language>). Salah satu contoh yang paling mudah ialah bahasa Latin. Pada zaman Kebangkitan (Reinansance yang bermula pada abad ke-13 Masihi), bahasa Latin adalah bahasa utama dalam semua bidang kehidupan seperti bahasa percakapan, bahasa ilmu, tulisan dan sebagainya. Jika kita mengkaji lebih dalam lagi, kita akan menemui pelbagai dokumen yang ditulis oleh tokoh-tokoh pada zaman itu seperti Leonardo Da Vinci, Machiavelli, Galilei, Copernicus dan lain-lain lagi menggunakan bahasa Itali lama dan bahasa Latin.

Kepentingan bahasa Latin dapat dibuktikan melalui pelbagai nama saintifik tumbuhan, haiwan mahupun penyakit yang dinamakan menggunakan bahasa Latin seperti *Morinda citrifolia* (Mengkudu), *Cocos nucifera* (kelapa), *Artocarpus heterophyllus* (nangka), *Zea mays* (jagung), *Gallus gallus bankiva* (ayam kampung), *Elephas maximus* (gajah), *morbus* (penyakit atau kesakitan) dan sebagainya. Karya atau hasil tulisan tokoh-tokoh ini yang dikategorikan sebagai magnum opus, masih lagi digunakan sehingga ke hari ini sebagai sumber rujukan utama bidang-bidang yang berkaitan.

Namun demikian, bahasa ini tidak lagi digunakan secara meluas sebagai medium komunikasi dan keadaan ini menjadikan bahasa Latin sebagai bahasa yang semakin dilupakan. Hal ini juga berkaitan dengan daya kelangsungan hidup (survival) bahasa tersebut atau dengan kata lain yang lebih mudah difahami ialah, peranan dan kadar penggunaan bahasa tersebut dalam proses komunikasi semakin berkurangan.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa sebab lain yang berkaitan dengan kehilangan sesebuah bahasa. Secara fizikalnya, sesebuah bahasa itu akan hilang apabila penutur bahasa tersebut turut hilang seperti mengalami kematian, pupus atau tidak lagi mahu menuturkan bahasa tersebut. Bahasa Eyak (daripada rumpun bahasa Dené-Yenisei yang terdiri daripada tiga Bahasa iaitu Na-Dene, Athabaska-Eyak dan Eyak) di Alaska tidak

lagi dituturkan selepas kematian penutur terakhirnya iaitu, Marie Smith-Jones pada tahun 2008 (1918-2008). Hal yang sama juga berlaku kepada bahasa Scottish Gaelic apabila Margaret McMurray meninggal dunia pada tahun 1760, Hazel M. Simpson pula meninggal dunia pada tahun 2014 menandakan berakhirnya penggunaan bahasa Klallam yang dituturkan oleh penduduk di kawasan Vancouver, Washington DC dan British Columbia.

Daripada perspektif lain, sikap penutur dan pemilihan bahasa juga menyumbang kepada hidup atau mati sesebuah bahasa. Di Singapura, terdapat 4 bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Namun demikian, tidak semua bahasa tersebut digunakan secara massa. Jika kita lakukan tinjauan secara rambang, bahasa Inggeris adalah bahasa pilihan utama orang-orang yang tinggal di Singapura tanpa mengira latar belakang kaum mereka. Hal ini juga sebenarnya juga mendorong kepada status “kesihatan” sesuatu bahasa. Gejala ini dikenali sebagai “kenazakan bahasa” kerana terdapat bahasa yang terpinggir dan tidak berpeluang digunakan sebagai alat komunikasi dan interaksi anggota masyarakat.

### 1.1 Situasi Kebahasaan Secara Umum

Menurut UNESCO, kekurangan penutur sesebuah bahasa adalah satu petanda “*primer*” yang sering dijadikan sebagai pengukur bagi meramal hidup atau mati sesebuah bahasa. Di samping itu, peranan bahasa tersebut atau daya kepenggunaan bahasa tersebut dalam proses komunikasi juga merupakan salah satu punca utama bahasa tersebut hidup atau mati. Hal ini juga sangat berkaitan dengan sikap penutur terhadap bahasanya atau dengan kata lain, pemilihan bahasa yang digunakan olehnya juga dapat dijadikan sebagai satu petunjuk untuk menilai “kesihatan” atau keberadaan bahasa tersebut.

Sehingga kini, *UNESCO's Atlas of the World's Languages in Danger* telah menyenaraikan sebanyak 2,473 bahasa berada dalam status terancam pupus. Keadaan atau “kesihatan” bahasa-bahasa ini dikategorikan kepada lima tahap iaitu,

No.	Tahap	Keterangan
1.	tidak selamat atau terdedah ( <i>unsafe or vulnerable</i> )	masih dituturkan oleh kebanyakan kanak-kanak, tetapi terbatas kepada beberapa domain sahaja (di rumah, bersama anggota keluarga)
2.	terancam ( <i>definitely endangered</i> )	tidak lagi dianggap dan pelajari oleh kanak-kanak sebagai bahasa ibunda
3.	sangat terancam ( <i>severely endangered</i> )	hanya dituturkan oleh golongan tua, masih difahami oleh generasi berikutnya tetapi tidak digunakan sebagai bahasa pertuturan dengan generasi baharu (anak-anak mereka).
4.	teruk terancam atau nazak ( <i>critically endangered</i> )	hanya dituturkan oleh golongan tua dan jarang dituturkan
5.	pupus ( <i>extinct</i> )	tidak lagi wujud

Jadual 1 Tahap kesihatan (*language vitality*) sesebuah bahasa (UNESCO, 2012)



## 1.2 Kriteria Kelangsungan Hidup Bahasa UNESCO (*Language Vitality Criteria*, 2003)

Daripada perspektif yang lebih luas, gejala “dying language” atau kenazakan bahasa ini telah menjadi salah satu daripada agenda utama UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization). Hal ini diletakkan secara khusus dalam ruang lingkup pemuliharaan khazanah dunia, iaitu bahasa. Melalui Mesyuarat Pakar UNESCO yang dihadiri oleh pakar-pakar Linguistik dari seluruh dunia dan pelbagai bidang kajian berkaitan pada Mac 2003, badan itu telah menggariskan sembilan kriteria yang boleh digunakan untuk menentukan survival atau kelangsungan daya hidup bahasa. Sembilan kriteria tersebut ialah,

No.	Kriteria
1.	Pewarisan antara generasi penutur bahasa
2.	Jumlah mutlak penutur
3.	Nisbah penutur dengan jumlah komuniti
4.	Trend dalam domain bahasa yang sedia ada
5.	Respon kepada domain dan media baru
6.	Bahan-bahan pendidikan bahasa dan literasi
7.	Polisi bahasa
8.	Sikap anggota komuniti terhadap bahasa mereka sendiri
9.	Jumlah dan kualiti pendokumentasian

Jadual 2 Kriteria Kelangsungan Bahasa (*Language Vitality*) (disesuaikan dari Lewis, 2006 dan Berzinger et al 2003).

Dalam konteks perbincangan ini, di Malaysia, masyarakat Che Wong yang tergolong dalam sub-group Senoi sedang mengalami proses penyusutan jumlah anggota yang sangat ketara (JAKOA 2006, 2008, 2010, 2012, 2015, lihat juga Anis 2016, Jamilah 2016, Jamal Rizal 2015b, 2015c, 2015d, Hamid Isa 2016). Hal ini turut memberi kesan kepada bahasa yang mereka tuturkan. Daripada sudut pandang linguistik atau hal ehwal kebahasaan masyarakat Che Wong, bahasa mereka tergolong dalam bahasa minoriti, fenomena ini sangat menarik untuk dikaji dan dianalisis. Hal ini demikian kerana, secara lahiriahnya, bahasa tersebut hanya dituturkan oleh komuniti itu sahaja dan keadaan ini sebenarnya merupakan salah satu gejala kepupusan bahasa.

## 2.0 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai lima (5) objektif, iaitu:

- 2.1 Mengukur dan menentukan tahap keterancaman bahasa Che Wong
- 2.2 Menganalisis sudut pandang dunia komuniti Che Wong dan sistem kekerabatan melalui penggunaan bahasa
- 2.3 Mengenalpasti pilihan bahasa komuniti Che Wong dalam pelbagai domain
- 2.4 Mendokumentasikan aspek-aspek linguistik bahasa Che Wong
- 2.5 Membangunkan aplikasi atas talian bagi membantu pengekalan bahasa Che Wong


Bagi mencapai objektif seperti yang disenaraikan di atas, maka persoalan berikut perlu dijawab iaitu:

1. Apakah bahasa yang digunakan dalam komuniti Che Wong?
2. Bagaimanakah anggota komuniti ini menggambarkan sesuatu konsep (abstrak dan konkrit) menggunakan bahasa mereka?
3. Bagaimanakah anggota masyarakat Che Wong mendeskripsikan sistem kekerabatan mereka dalam Bahasa mereka?
4. Bagaimanakah sikap komuniti ini terhadap Bahasa-bahasa yang ada di sekeliling mereka?
5. Apakah persepsi dan eksptasi mereka (generasi lama dan baharu) terhadap nasib bahasa mereka?
6. Apakah situasi terkini bahasa Che Wong?

### 3.0 Metodologi

#### 3.1 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah daerah iaitu daerah Temerloh dan Raub. Kedua-dua daerah ini terletak di dalam negeri Pahang Darul Makmur. Kedudukan kedua-dua daerah tersebut adalah seperti di dalam peta di bawah;



Sumber : hazis.wordpress.com (dicapai pada 28 Nov 2018)

Temerloh ialah sebuah daerah yang terletak di sepanjang Sungai Pahang. Jaraknya dari ibu negeri ialah 200 kilometer dan 160 km ke Kuala Lumpur. Sempadan daerah Temerloh ialah Raub, Bentong, Maran, Jerantut dan Bera. Kawasan kajian di Temerloh terletak di Kampung Kuala Gandah. Kampung ini boleh dikunjungi melalui dua jalan utama iaitu Lebuhraya Timur Barat atau melalui jalan lama Kuantan ke Kuala Lumpur.



Bagi pengunjung yang menggunakan lebuh raya, mereka boleh keluar melalui tol Lanchang dan membelok ke kiri menuju ke pekan Lanchang atau ke Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah. Jarak daripada tol ke kampung ini dianggarkan antara 15 ke 18 kilometer.

Di penempatan ini, masyarakat Che Wong tinggal di rumah-rumah yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA). Penempatan terletak di sebelah kawasan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah dan kedua-dua berkongsi pagar kawasan tersebut. Di kawasan ini terdapat kira-kira 40 buah rumah dan juga beberapa buah rumah tradisional yang dibina sendiri oleh penduduknya. Walaupun pihak kerajaan telah menyediakan rumah-rumah yang selesa, terdapat sebilangan kecil anggota masyarakat ini yang masih tinggal di kawasan hutan atas kerelaan sendiri.

Manakala di Raub pula, terdapat dua kawasan tumpuan yang dihuni oleh masyarakat Che Wong yang turut dikongsi dengan anggota masyarakat daripada suku kaum lain iaitu, Sungai Yol dan Sungai Pasu. Kedua-dua kawasan ini terletak di luar bandar Raub menuju ke Kuala Lipis. Kawasan penempatan Sungai Pasu terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Raub, manakala Sungai Yol pula lebih jauh kerana terletak di kawasan Dong (menuju ke Lata Jarum). Di penempatan ini terdapat 30 buah rumah yang disediakan oleh JAKOA dan penghuninya bekerja sebagai penoreh getah.

### **3.2 Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini sesuai digunakan kerana melaluinya pengkaji dapat menghurai dan memerikan keadaan yang sedang berlaku dalam masyarakat yang dikaji.

Teknik yang paling penting digunakan di dalam kajian ini ialah temubual yang dijalankan dengan informan dan responden di tempat tinggal mereka. Informan terdiri daripada beberapa orang yang dipercayai mempunyai maklumat yang lebih banyak daripada orang lain di dalam masyarakat tersebut. Bagi kawasan Kuala Gandah, informan yang dipilih ialah Ustazah Zaliah Ali iaitu seorang Penggerak Kemasyarakatan yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP). Beliau telah tinggal dan bercampur dengan masyarakat Che Wong di Kuala Gandah ini sejak tahun 1995 sehingga sekarang.

Selain itu, Musa iaitu seorang belia Che Wong turut dijadikan informan dalam kajian ini. Di Kuala Gandah, Batin masyarakat Che Wong ini tinggal di kawasan bukit dan jarang turun ke penempatan yang disediakan oleh JAKOA ini. Bagi kawasan Raub pula, Batin Jamal dipilih sebagai informan kerana perannya sebagai Tok Batin dan juga pergaulannya yang luas dengan pelbagai lapisan masyarakat sama ada di dalam mahupun di luar kawasan tempat tinggalnya.

Teknik yang seterusnya ialah penggunaan borang soal selidik. Sepanjang temubual dijalankan, setiap penyelidik akan mengisi borang soal selidik memandangkan ada dalam kalangan anggota masyarakat ini tidak boleh menulis dan membaca. Dapatan kuantitatif daripada penggunaan borang soal selidik sangat penting bagi menentukan dan menilai tahap serta pilihan Bahasa yang digunakan dalam proses komunikasi mereka.

Secara umumnya, kajian ini akan menggunakan pendekatan emik (emic) (rujuk Mohamad Yusoff Ismail et., al. 2010:24) yang menumpukan kepada pengumpulan maklumat atau data daripada sudut pandang masyarakat yang dikaji (native's viewpoint). Pendekatan ini melibatkan usaha para pengkaji untuk melakukan pendeskripsian berdasarkan konsep, skema, kategori dan konseptual yang digunapakai oleh responden dalam konteks sebenar penggunaan bahasa tersebut.

Semua data akan dikumpul menggunakan kaedah linguistik lapangan iaitu, pemerhatian (observation), pemerhatian turut-serta (participant observation), soal selidik, wawancara dan melalui informan. Alat yang digunakan ialah alat perakam suara, kamera video dan juga alat tulis untuk mencatat kosa kata yang digunakan semasa berkomunikasi. Data juga akan dikumpul dalam sesi temuduga, rakaman spontan, informan. Langkah seterusnya ialah, pengkaji akan melakukan proses transkripsi iaitu memindahkan data yang wujud dalam bentuk audio (percakapan lisan) kepada bentuk visual (bertulis). Pada peringkat ini, data tersebut akan dikategorikan berdasarkan domain yang menjadi latar belakang proses komunikasi serta faktor-faktor non-linguistik lain yang terlibat. Hal ini sangat penting diberi perhatian kerana faktor-faktor tersebut akan memberikan fungsi kepada kosa kata yang digunakan.

Dalam kajian ini, terdapat dua fokus iaitu, pemilihan bahasa oleh penutur (bagi menentukan tahap kepenggunaan Bahasa berdasarkan domain), analisis sudut pandang dunia (world-view) mereka terhadap persekitaran dan sistem kekerabatan (penamaan pangkat dan gelaran) yang akan menentukan tahap pengaruh luar terhadap bahasa Che Wong. Hasil daripada analisis yang dilakukan, tahap keterancaman bahasa Che Wong akan dapat ditentukan sama ada terancam, sangat terancam atau nazak.

#### 4.0 Tinjauan Literatur

Sehingga hari ini, terdapat beberapa buah kajian mengenai masyarakat Orang Asli Che Wong dan khususnya mengenai Bahasa mereka. Kajian terawal mengenai bahasa Che Wong dilakukan oleh R.J. Wilkinson (1910, *The Aboriginal Tribes* dan 1915, *A vocabulary of Central Sakai*) yang mendokumenkan sebanyak 60 kumpulan kosa kata yang setiap satunya mengandungi lebih daripada 200 perkataan yang dikumpulkan termasuklah daripada bahasa Che Wong.

Selain itu, satu kajian mengenai bahasa Che Wong telah dilakukan oleh Nicole Kruspe (2000) berkaitan pendokumentasian bahasabahasa Orang Asli di Semenanjung Malaysia termasuklah bahasa Che Wong (disebut dengan nama Ceq Wong). Dalam kajian tersebut, beliau telah mendokumenkan sebanyak 986 kosa kata <http://wold.clld.org/vocabulary/26> yang dipadankan dengan Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Namun demikian, sehingga hari ini belum ditemukan lagi kajian terhadap bahasa Che Wong ini berkaitan sudut pandang dunia dan sistem kekerabatan daripada perspektif bahasa mereka. Selain itu, status terkini atau tahap keterancaman bahasa ini juga tidak diketahui sama ada kekal pada tahap lama atau menjadi semakin baik atau memburuk.

Melalui kajian yang akan dijalankan ini nanti, bahasa Che Wong akan dianalisis secara deskriptif daripada segi kepenggunaannya. Hal ini termasuklah domain penggunaannya,

penutur yang terlibat, topik yang dibincangkan, sikap generasi tua dan muda terhadap bahasa tersebut serta istilah-istilah yang digunapakai untuk memerikan sistem kekerabatan mereka. Melalui kajian ini juga, diharapkan kita akan dapat menentukan status terkini tahap keterancaman bahasa Che Wong berbanding status “6b threatened” (*The language is used for face-to-face communication within all generations, but it is losing users.*) yang diberikan pada tahun 2010 (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>).

#### 4.1 Masyarakat Che Wong dan Realiti Kebahasaannya

Suku kaum ini menuturkan Bahasa Che Wong yang dikategorikan dalam Bahasa Aslian (keluarga Bahasa Mon-Khmer) (Signe Howell 2006:65) atau Bahasa Asli Utara (Sariffuddin 2013:7). Che Wong hanya boleh ditemui di negeri Pahang iaitu di Penempatan Orang Asli Sungai Pasu Raub dan Penempatan Orang Asli Kuala Gandah di Temerloh. Pada tahun 2012, UNESCO menganggarkan (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>) jumlah anggota komuniti Che Wong ini hanya tinggal seramai 450 ke 600 orang sahaja. Jumlah yang sama juga turut dilaporkan oleh Sariffuddin (2013:13) dan JAKOA (2008, 2014).

Berasaskan pandangan UNESCO, jumlah anggota suku kaum Che Wong ini merupakan satu petanda kepada keadaan atau status bahasanya. Atas sebab tersebut, UNESCO telah menyenaraikan bahasa Che Wong sebagai salah satu bahasa terancam di dunia (UNESCO, <http://www.ethnologue.com/language/cwg>, dicapai pada 26 Januari 2015) dan berada pada tahap “6b threaten” (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>).

Hal ini demikian kerana jumlah penutur sesebuah bahasa sangat berkaitan dengan kelangsungan hidup (survival) sesebuah bahasa. Jumlah penutur yang semakin kecil akan menyebabkan peranan dan kepentingan bahasa tersebut akan semakin berkurangan kerana peluang bahasa tersebut sangat terbatas. Keadaan ini akan mempengaruhi proses pewarisan budaya dan bahasa ibunda mereka ke generasi berikutnya. Pengurangan jumlah penutur bagi bahasa Che Wong merupakan salah satu faktor yang mendorong kekurangan peranan bahasa tersebut dalam proses komunikasi.

Selain itu, hal ini juga berkaitan dengan faktor-faktor seperti perkahwinan campur, pendedahan kepada bahasa, teknologi dan persekitaran lain, pendidikan, cara hidup, migrasi keluar dan masuk ke dalam komuniti ini dan faktor-faktor non-linguistik yang lain. Sekiranya keadaan ini tidak diberi perhatian, bahasa tersebut menuju ke arah keusangan dan seterusnya menjadi nazak. Akhirnya, bahasa tersebut akan pupus kerana ketiadaan penutur mahupun tidak lagi berfungsi dalam sesebuah komuniti.

Kepupusan sesebuah bahasa adalah bencana atau tragedi kepada kelangsungan hidup sesebuah suku bangsa mahupun kemanusiaan itu sendiri. Hal ini kerana melalui bahasa, manusia menyimpan pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan dan segala hal yang berkaitan dengan ketamadunan dan peradaban penutur bahasa tersebut.

Salah satu bahasa yang tersenarai sebagai bahasa terancam di dunia ialah bahasa Che Wong UNESCO, (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>, dicapai pada 26 Januari 2015). Hal ini demikian kerana jumlah anggota komuniti Che Wong sehingga 2008 (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>) dianggarkan seramai 300 ke 400 orang sahaja. Mereka ini tinggal di Kuala Gandah (Temerloh) dan Sungai Pasu (Raub).

Penyusutan jumlah penutur bagi bahasa Che Wong merupakan salah satu faktor yang mendorong kekurangan peranan Bahasa tersebut dalam proses komunikasi. Hal ini juga berkaitan dengan faktor-faktor seperti perkahwinan campur, pendedahan kepada bahasa, teknologi dan persekitaran lain, pendidikan, cara hidup dan faktor-faktor non-linguistik yang lain. UNESCO meletakkan bahasa Che Wong (maklumat tahun 2004) pada kedudukan "6b" iaitu "threatened" atau "terancam" berdasarkan faktor-faktor non-linguistik yang berlaku disekeliling komuniti dan bahasa tersebut. Kajian ini akan cuba mendeskripsikan fenomena tersebut bagi mengetahui status atau tahap terkini keterancamannya.

Hal ini demikian kerana kepupusan sesuatu Bahasa merupakan kehilangan satu khazanah ilmu kerana bahasa menyimpan pelbagai makna dan rujukan. Hal yang sama juga akan berlaku kepada bahasa Jah Hut jika tiada sebarang tindakan atau usaha untuk memelihara dan mengekalkan bahasa tersebut sebagai bahasa yang mempunyai peranan dalam proses komunikasi seharian. Bagi Malaysia, kehilangan bahasa Che Wong merupakan satu kerugian yang sangat besar kerana bahasa ini merupakan salah satu sumber leksikografi bahasa Melayu di samping khazanah ilmu yang dimilikinya.

#### **4.2 Orang Asli di Malaysia**

Allah SWT mencipta manusia untuk berinteraksi antara satu dengan yang lain. Melalui surah al-Hujaraat ayat 13, firman Allah yang bermaksud,

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

Di Malaysia, terdapat pelbagai kaum dan bangsa tinggal di dalamnya sejak zaman berzaman. Kaum-kaum ini boleh ditemui di seluruh negara kita sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Setiap kaum itu mempunyai ciri-ciri khas dan unik yang membezakannya dengan kaum lain. Walaupun terdapat perbezaan antara setiap satu kaum tersebut seperti perbezaan bahasa, adat, amalan budaya, agama dan sebagainya, namun mereka masih boleh hidup aman dan damai tanpa sebarang masalah yang ketara. Selain 3 buah kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India, terdapat satu lagi kaum yang besar jumlahnya iaitu, Orang Asli.

Nama “Orang Asli” ini merupakan pengkelasan kepada ratusan kumpulan etnik kecil yang berada di seluruh Malaysia. Kaum ini dipanggil Orang Asli sebagai suatu



penghormatan kepada mereka yang merupakan penduduk yang paling awal tinggal di negara kita. Sehingga kini, tidak dapat dipastikan secara tuntas tentang asal-usul mereka ini. Namun demikian, berdasarkan bukti-bukti arkeologi, linguistik, catatan dalam pelbagai dokumen sejarah, pentadbiran dan sastera, mereka ini digambarkan sudah berada di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak sejak ribuan tahun lalu.

Masyarakat Orang Asli yang juga disebut “Orang Asal” adalah sebuah masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Sebahagian besar daripada mereka ini tinggal di kawasan hutan dan pinggir hutan. Mereka juga didapati masih mengamalkan cara hidup tradisional yang dipengaruhi oleh alam sekitar disamping percaya kepada amalan warisan tinggalan nenek moyang mereka.

Sebagai penghargaan kepada masyarakat ini yang dianggap sebagai penduduk asal negara ini, pihak kerajaan Malaysia telah memberi gelaran baru kepada mereka iaitu Orang Asli (Rosley, N. A., 2009). Hal ini termaktub melalui peruntukan perundangan iaitu Akta Orang Asli 1954 (Akta 134 di bawah Aboriginal Peoples Ordinance No. 3, 1954) yang telah dipinda pada tahun 1974 dan juga berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut:

- i) mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

Secara umumnya di Malaysia, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JAKOA (2008, 2015), terdapat seramai 141,230 anggota masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Mereka ini terbahagi kepada 18 suku kaum. Daripada jumlah tersebut, hampir separuh atau lebih tepat lagi seramai 51,825 anggota masyarakat Orang Asli tinggal di negeri Pahang Darul Makmur.

Berdasarkan pecahan pula, terdapat tiga kaum utama yang diam di negeri Pahang iaitu, Negrito (1,723), Senoi (23,210) dan Melayu Proto (26,892). Mereka ini tinggal di beberapa kawasan tengah negeri Pahang dengan jumlah paling besar berada di kawasan Raub, Kuala Lipis, Temerloh dan Rompin. Jumlah tersebut menunjukkan bahawa jumlah

Orang Asli adalah sekitar 0.4% daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia iaitu sekitar 30 juta pada tahun 2014 (lihat <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/profil-malaysia/7962-demografi-penduduk.html> dan juga [www.statistics.gov.my/](http://www.statistics.gov.my/)). Jadual di bawah menunjukkan statistik Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada 2010 (JAKOA 2015).

Kaum	Tahun 2006	Tahun 2010	Pahang (2010)
Negrito	4,001	3,671	1,723
Senoi	81,826	79,155	23,210
Melayu Proto	61,585	58,404	26,892
JUMLAH	147,412	141,230	51,825

Jadual 3: Populasi Orang Asli mengikut kaum tahun 2006, 2010 dan 2012 di Semenanjung Malaysia dan Pahang (JAKOA 2012, Anis 2016, Jamilah 2016)

## 5.0 Dapatan Kajian

### 5.1 Che Wong

Salah satu suku kaum yang tinggal di negeri Pahang ialah Che Wong. Kaum ini merupakan salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli yang tergolong dalam Senoi subgroup yang juga merupakan kelompok Orang Asli yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Suku kaum ini dikatakan unik kerana mereka tidak wujud di mana-mana tempat lain sama ada di Malaysia mahupun di seluruh dunia. Selain itu, jumlah mereka sangat kecil dan dianggap sangat memencilkan diri mereka daripada pergaulan dengan masyarakat luas.

Kaum Che Wong hanya boleh ditemui di negeri Pahang iaitu di Penempatan Orang Asli Sungai Pasu Raub dan Penempatan Orang Asli Kuala Gandah di Temerloh. Pada tahun 2012, UNESCO menganggarkan (<http://www.ethnologue.com/language/cwg>) jumlah anggota komuniti Che Wong ini hanya tinggal seramai 450 ke 600 orang sahaja. Jumlah yang sama juga turut dilaporkan oleh Sarifuddin (2013:13) dan JAKOA (2008, 2014). Daripada segi kebahasaan pula, mereka menggunakan Bahasa Che Wong yang dikategorikan dalam Bahasa Aslian (keluarga Bahasa Mon-Khmer) (Signe Howell 2006:65) atau Bahasa Asli Utara (Sarifuddin 2013:7).

### 5.2 Asal-usul Che Wong

Asal-usul masyarakat CW tidaklah dapat dijelaskan secara tuntas. Hal ini demikian kerana terdapat pelbagai cerita berkenaan asal-usul mereka yang datang daripada pelbagai sumber. Daripada temubual yang dilakukan, terdapat tiga versi yang sering dirujuk apabila membincangkan asal-usul masyarakat CW (Ustazah Zaliah Ali, Wan Kampit dan Aki Kerpan). Menurut Anis Nabilla (2016) dan Jamilah Bebe Mohamad



(2016), ketiga-tiga versi tersebut disampaikan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi mereka sebagai catatan sejarah jurai keturunan mereka secara sah. Selain itu, ketiga-tiga versi tersebut juga adalah kebanggaan anggota masyarakat ini (Jamal Rizal, 2017). Di samping itu, juga terdapat beberapa versi catatan oleh para orientalis mengenai asal-usul masyarakat (dan nama) Che Wong ini.

### **5.2.1 Versi Pertama : Keturunan Tuhan**

Versi yang pertama mengatakan bahawa mereka adalah keturunan Tuhan yang turun ke bumi dan mendarat di bukit yang paling tinggi di pergunungan Indo-China iaitu di Pnom Phen, Vietnam. Mereka turun dua beradik lelaki dan berjalan kaki dan berhenti di Thailand. Salah seorang daripadanya tidak mahu meneruskan perjalanan dan tinggal di Thailand, menjadi raja dan keturunannya kekal memerintah sehingga hari ini. Seorang lagi adiknya, meneruskan perjalanan melalui banjaran Titiwangsa dan berhenti di Gunung Benom.

Di sini, beliau menetap dan menjadi Raja di Hulu Sungai. Keturunannya kekal hingga sekarang mendiami kawasan ini iaitu di Lanchang, Temerloh dan di Raub. Mereka dikatakan sering berulang-alik antara kedua-dua tempat merentasi banjaran Titiwangsa. Menurut mereka, "Che" dikatakan bermaksud "Tuan" atau "Tuhan" dan "Wong" bermaksud "orang". Dalam hal ini, mereka adalah tuan atau Tuhan kepada orang-orang atau manusia (Jamal Rizal, 2017).

### **5.2.2 Versi Kedua : Keturunan Raja**

Versi yang kedua pula mengatakan bahawa mereka adalah keturunan Raja di sebuah negara di Indo-China. Salah seorang anak raja itu bernama "Che" dan beliau adalah bakal raja bagi negara tersebut. Beliau mencintai seorang gadis orang kebanyakan bernama "Wong". Memandangkan Che adalah keturunan Raja yang juga merupakan keturunan dewa-dewa, maka beliau tidak boleh mengahwini manusia. Namun demikian, rasa cinta antara mereka terlalu kuat dan menyebabkan kedua-duanya lari ke banjaran Titiwangsa dan menjadikan Gunung Benom sebagai tempat tinggal mereka. Mereka berkahwin, mempunyai keluarga dan beranak-pinak dan keturunan mereka hidup aman damai di kedua-dua belah banjaran Titiwangsa iaitu di Hutan Simpan Krau yang merangkumi Lanchang dan Ulu Dong.

### **5.2.3 Versi Ketiga : Keturunan Sang Kelembai**

Manakala versi yang ketiga pula mengatakan bahawa mereka ini adalah keturunan Sang Kelembai. Makhluk ini berdua beradik iaitu Tak Ong dan Tatang (Harun Mat Piah, 2003) yang sentiasa bersaing dalam setiap perbuatan. Kebiasaannya, Tatang (adik) akan dapat mengatasi Tak Ong dan keadaan ini menyebabkan Tak Ong menyimpan dendam kepada adiknya sendiri.

Walau bagaimanapun, Tak Ong bernasib malang apabila matanya cedera dan telinganya putus semasa bertanding dengan adiknya menyebabkan dia menjadi buta dan tuli. Tatang pula merupakan sejenis makhluk yang sentiasa gembira sehinggalah isteri dan anak-

anaknya mati akibat keracunan buah perah. Dikatakan, setiap pokok perah yang dijupainya akan dicabut kerana marah dan sakit hatinya dan dikatakan ketiadaan pokok perah di kawasan Kampung Dong (Raub) dan Pulau Raya (Kuala Krau, Temerloh) disebabkan oleh tindakannya. Tak Ong tinggal di sebelah timur Banjaran Titiwangsa iaitu di Lanchang manakala Tatang pula tinggal di sebelah barat iaitu di kawasan Ulu Dong, Raub. Walau bagaimanapun asal-usul perkataan atau nama Sang Kelembai tidaklah diketahui.

#### 5.2.4 Versi Keempat : Pelabelan oleh orientalis berdasarkan catatan Howell (1984)

##### a. Kekeliruan Ogilve

Ogilve ialah salah seorang pegawai British yang bertugas di Temerloh. Beliau mendapat maklumat daripada salah seorang kakitangan Jabatan Hidupan Liar Pahang di Temerloh (Howell, 1984) berkenaan nama kaum tersebut yang dirujuk sebagai “Siwang”. Menurut versi ini, nama “Siwang” ini sebenarnya adalah nama seorang anggota renjer Melayu yang tinggal di Kuala Gandah.

Akibatnya, Ogilve telah beranggapan bahawa “Siwang” ialah nama suku kaum ini. Selain itu, “Siwang” juga dianggap sebagai nama yang lebih lembut atau sopan berbanding gelaran “Sakai” yang bermaksud “hamba”. Walau bagaimanapun, versi ini masih boleh dibahaskan kerana “Siwang” atau “Sewang” bermaksud “upacara kerohanian” yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli bagi tujuan-tujuan tertentu. Sebagai contoh, terdapat sewang ubat, sewang hantu, sewang (http://tariansewangpayalebar.blogspot.my/, Prof. Puan Sri Dr. Faridah Abdul Karim) http://muzikorangasli.blogspot.my/2010/09/sewang.html. Berikut adalah nama beberapa jenis “sewang” yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli:

- a. Sewang Chenchem
- b. Sewang Gamok
- c. Sewang Panoh
- d. Sewang Penhei
- e. Sewang Manjar
- f. Sewang Pungei
- g. Sewang Tanggei

Kemungkinan juga jawapan “Siwang” yang diterima oleh Ogilve merujuk kepada upacara yang sedang dijalankan oleh masyarakat Che Wong dan beliau beranggapan bahawa “Siwang” adalah nama suku kaum ini.

##### b. Needham (1955) dan Craey (1976)

Beliau juga merujuk suku kaum ini sebagai “Siwang” berdasarkan maklumat daripada seorang lelaki Orang Asli bernama Beng. Selain itu, Carey (1976) menyatakan bahawa nama “Che Wong” itu mempunyai makna khusus iaitu “Che” bermaksud “orang” dan “Wong” bermaksud “hutan”. Pandangan yang dikemukakan oleh Carey lebih munasabah kerana panggilan tersebut juga ditemui dalam wawancara dengan anggota masyarakat ini dan nama tersebut lebih menonjol kaitannya dengan cara hidup mereka.

c. Evans (1927) dan Howel (1984)

Dua pengkaji ini mengemukakan dua nama iaitu “Maroi” dan “Kleb”. Menurut Howell (1984), nama “Maroi” muncul berdasarkan maklumat daripada Ogilve (?) yang mengatakan bahawa ketua masyarakat ini ialah orang bernama “Maroi”. Maklumat ini juga bersandarkan kepada maklumat yang dikemukakan oleh orang Melayu dan Jah Hut yang tinggal di sekitar kawasan ini. Mereka sering berinteraksi dalam proses tukar barang dan “Maroi” merupakan jurucakap kepada orang-orangnya. Sehubungan dengan itu, masyarakat ini dipanggil “orang Maroi”.

Selain itu, nama “Kleb” berdasarkan maklumat yang diterima daripada Schebesta (pengkaji British) yang mendakwa terdapat sebuah suku kaum bernama “Kleb” yang tinggal di selatan dan timur laut Pahang dan kawasan ini didapati berhampiran dengan Kuala Gandah sekarang. Bertalian dengan itu, Howell (1984) turut menyatakan bahawa orang asli di Sungai Youl, Raub turut mendakwa bahawa mereka adalah orang Kleb (Bi Kleb).

Sebagai rumusan kepada isu nama suku kaum ini, dapat dikatakan bahawa versi yang didapatkan daripada individu-individu tertentu dalam suku kaum ini lebih meyakinkan berbanding maklumat daripada pengkaji Barat ini. Hal ini demikian kerana maklumat yang digunakan hanya bersandar kepada tekaan atau jangkaan.

## 6.0 Demografi Masyarakat Che Wong

Dikedua-dua kawasan penempatan Orang Asli Che Wong yang disediakan oleh kerajaan melalui JAKOA ini, iaitu di Raub dan Temerloh, terdapat sejumlah 469 orang telah berjaya direkodkan (Hamid et al. 2015). Berikut adalah jadual taburan anggota suku kaum Che Wong bagi kedua-dua kawasan tersebut;

No.	Kampung	Mukim	Bilangan
1.	Sungai Susup	Sega	23
2.	Sungai Ruyung	Dong	14
3.	Sungai Pasu	Dong	10
4.	Bukit Takoi	Dong	6
5.	Sungai Enggang / Sungai Pien	Semantan	388
6.	Sungai Treh	Semantan	20
7.	Sungai Rambut	Semantan	8
	Jumlah		469

Jadual 4 Disesuaikan daripada Hamid et al, (2015), Anis (2016) dan Jamilah (2017)

Sementara itu, dalam satu kajian yang dijalankan oleh Jamal Rizal (2015) di bawah Geran Skim Penyelidikan Fundamental (FRGS), pasukan pengkaji telah berjaya mewawancara seramai 143 orang responden masyarakat Che Wong ini. Kajian yang dijalankan di Kuala Gandah Temerloh dan Sungai Yol Raub ini melibatkan 64 orang lelaki dan 79 orang perempuan telah ditemubual bagi mendapatkan data. Walaupun maklumat ini tidaklah dapat mewakili keseluruhan masyarakat ini, tetapi maklumat ini

dapat memberikan gambaran tentang situasi terkini masyarakat Che Wong ini seperti yang tertera dalam jadual dan ulasan berikutnya.

### 6.1 Perbandingan antara Generasi

Umur	Jumlah Responden	Peratusan %
10-20	32	22.4
21-30	28	19.6
31-40	39	27.3
41-50	26	18.1
50 keatas	18	12.6
Jumlah	143	100

Jadual 5 : Maklumat umur responden kajian

Daripada jadual di atas, didapati bahawa golongan yang berusia 31 tahun dan ke bawah lebih ramai berbanding dengan golongan yang berusia 41 tahun ke atas yang hanya berjumlah sebanyak 18.2% daripada keseluruhan responden. Jumlah ini juga menunjukkan bahawa jumlah generasi muda lebih ramai daripada golongan tua. Data ini menunjukkan bahawa kaum ini mempunyai potensi dan masa depan yang cerah kerana mempunyai generasi pelapis yang ramai. Jika dilihat daripada perspektif lain, seperti pewarisan ilmu dan khazanah mereka, kita boleh membuat anggapan bahawa ilmu dan khazanah tersebut mempunyai peluang untuk terus hidup subur dalam masyarakat mereka. Namun demikian, keadaan ini hanya akan wujud apabila kedua-dua belah pihak mempunyai sinergi yang mantap dalam proses pewarisannya.

### 6.2 Perbandingan antara Jantina

Jantina	Jumlah Responden	Peratusan %
Lelaki	64	44.8
Perempuan	79	55.2
Jumlah	143	100

Jadual 6: Maklumat jantina responden kajian

Daripada sudut jantina pula, golongan wanita melebihi golongan lelaki iaitu, sebanyak 55.2 peratus berbanding kaum lelaki iaitu 44.7 % sahaja.

### 6.3 Perbandingan antara Agama

Agama	Jumlah Responden	Peratusan %
Tradisi/Nenek Moyang	57	39.8
Islam	58	40.6
Kristian	28	19.6
Jumlah	143	100

Jadual 7: Maklumat agama responden kajian



Jika dilihat daripada sudut agama dan kepercayaan pula, 39.8% mengamalkan agama tradisi nenek moyang mereka manakala 19.6% menganut agama Kristian dan 40.6% mengamalkan ajaran agama Islam. Selain itu terdapat juga dalam kalangan masyarakat ini yang mengamalkan kepercayaan animism iaitu percaya kepada roh dan semangat benda-benda yang ada di sekeliling mereka seperti pokok, batu, sungai dan sebagainya.

## **7.0 Bahasa**

Daripada segi kebahasaan pula, mereka adalah penutur Bahasa Aslian yang berada dalam keluarga Bahasa Mon-Khmer (Signe Howell 2006:65) atau Bahasa Asli Utara (Mohd Sarifuddin 2013:7). Selain itu mereka juga boleh berbahasa Melayu dengan baik kerana bersosialisasi dengan masyarakat di sekitar tempat tinggal mereka. Sepanjang kajian dijalankan, terdapat juga beberapa orang yang boleh menggunakan dialek-dialek dalam Bahasa Melayu seperti dialek Kelantan, Kedah, Perak dan Pahang. Hal ini berkaitan dengan proses sosialisasi dan pembauran mereka dengan masyarakat sekeliling.

## **8.0 Pendidikan**

Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat ini semakin baik berbanding tahun-tahun sebelum ini (Mustaffa Omar, 2014). Hal ini juga berkaitan dengan perpindahan mereka ke kawasan penempatan tetap yang disediakan oleh pihak kerajaan. Apabila mereka tinggal tetap disesebuah kawasan, peluang generasi berikutnya untuk mendapatkan pendidikan lebih terbuka kerana mempunyai "access" (kecapaian) kepada sekolah di kawasan berhampiran. Sebagai contoh, di Kuala Gandah, mereka akan bersekolah di Sekolah kebangsaan Bolok yang terletak kira-kira 5 kilometer daripada Penempatan Orang Asli Kuala Gandah (Saadiah Ma'alip, 2016). Manakala di kawasan Sungai Yol, mereka bersekolah di Sekolah Kebangsaan Ulu Dong dan di Sekolah Kebangsaan Gali Lurus.

Bagi pendidikan menengah pula, ada yang bersekolah di bandar Temerloh dan Raub. Hasil daripada peluasan peluang mendapat pendidikan peringkat awal ini, ada dalam kalangan anak-anak Che Wong ini berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Sebagai contoh, tiga orang anak Puan Anita (Sungai Pasu) berjaya menjadi seorang guru siswazah, jururawat bertauliah dan sedang melanjutkan pengajiannya dalam bidang perakaunan (wawancara April 2016).

## **9.0 Kegiatan Ekonomi**

Secara umumnya, anggota masyarakat Che Wong ini menjalankan pelbagai usaha sebagai mata pencarian mereka. Bagi generasi lama, mereka masih lagi mengekalkan kaedah sara diri tradisional seperti bercucuk tanam secara kecil-kecilan, memungut dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan di sungai. Hal ini berkaitan dengan cara hidup mereka yang masih tinggal di dalam hutan dan peluang untuk mereka menjalankan cara hidup ini masih wujud.

Bagi generasi muda, mereka lebih banyak melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi moden seperti bekerja di kilang-kilang di sekitar kawasan tempat tinggal mereka, menjadi

pengawal keselamatan (Pusat Gajah Kuala Gandah), buruh am dan tukang rumah. Di Raub, kebanyakan mereka bekerja di ladang sawit (FELCRA Sungai Pasu, FELCRA Sungai Yol) yang disediakan oleh pihak kerajaan. Manakala bagi yang mempunyai pendidikan yang lebih baik, mereka memilih untuk menjadi jururawat, guru dan lain-lain pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap pendidikan mereka.

## 10.0 Dapatan dan Objektif Kajian

Bahagian ini akan membincangkan dapatan-dapatan daripada kajian bagi menjawab objektif yang perlu dicapai.

### 10.1 Objektif 1 : Mengukur dan menentukan tahap keterancaman bahasa Che Wong

Berdasarkan kajian daripada aspek kekerapan dan peluang bahasa Che Wong digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi, didapati bahawa bahasa ini masih berada dalam tahap “6b” seperti yang digariskan oleh UNESCO (rujuk ethnologue). Menurut UNESCO, tahap “6b” ini ialah “*Threatened : The language is used for face-to-face communication within all generations, but it is losing users*”. Kenyataan ini sangat jelas dapat dikaitkan dengan jumlah penutur masyarakat Che Wong ini yang semakin berkurangan. Hal ini berlaku disebabkan oleh;

- a. Penyusutan jumlah penutur yang sedang berlaku
- b. Pembauran unsur luar dalam masyarakat Che Wong yang sedang berlaku

Bagi butiran (a), jumlah anggota masyarakat ini semakin berkurang. Hal ini dibuktikan melalui kadar kelahiran yang kecil sepanjang tahun dan juga kadar kematian yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak. Dalam tempoh kajian ini dijalankan, iaitu pada awal tahun 2016, dua orang kanak-kanak berusia empat dan enam tahun telah meninggal dunia akibat cacing dalam perut. Pada pertengahan tahun 2017 juga berlaku kematian kanak-kanak disebabkan demam panas yang terlalu tinggi. Hal ini amat bertentangan dengan kadar kelahiran yang hanya direkodkan sebanyak dua sahaja iaitu satu pada tahun 2017 dan satu pada awal tahun 2018.

Disamping itu, butiran (b) pula merujuk kepada “kecairan” unsur-unsur Che Wong. Hal ini berlaku disebabkan oleh kemasukan dan pembauran unsur-unsur asing ke dalam masyarakat ini. Sebagai contoh perkahwinan campur antara masyarakat Che Wong dengan anggota masyarakat lain sama ada dalam kalangan Orang Asli mahupun sebaliknya. Sebagai contoh, di Kuala Gandah Lanchang, terdapat beberapa pasangan suami isteri yang mempunyai pasangan Orang Asli daripada suku kaum lain dan juga dengan bangsa lain.

Selain itu, perpindahan anggota masyarakat ini ke kawasan yang lebih terbuka kepada pelbagai pengaruh seperti pengaruh teknologi, kesan pendidikan, serbuan dan desakan ekonomi yang melanda masyarakat ini juga telah mempengaruhi corak dan gaya



penggunaan Bahasa mereka. Sebagai contoh, seorang anggota masyarakat ini telah berpindah dan tinggal di tempat yang majoritinya adalah suku Semai, iaitu Batin Zainal. Beliau merupakan suku Che Wong telah berpindah ke Kampung Melayu Cheroh (hamper 50 km daripada Sungai Pasu, Raub) kerana berkahwin dengan salah seorang wanita suku Semai. Setelah sekian lama tinggal di situ, beliau akhirnya dilantik sebagai Tok Batin di kampung tersebut. Di Sungai Yol pula, adik kepada Batin Jamal, iaitu Kak Hasnah telah berkahwin dengan orang Melayu dan pernah tinggal di Gombak selama hampir 20 tahun. Beliau akhirnya kembali ke Sungai Yol selepas suaminya meninggal dunia pada tahun 2012.

Berdasarkan dapatan, bukti dan hujah yang dikemukakan, dapatlah dikatakan bahawa Bahasa Che Wong ini masih mempunyai harapan dan masa depan yang agak meyakinkan. Hal ini melayakkan Bahasa Che Wong untuk kekal berada pada tahap “6B” sepertimana digariskan oleh UNESCO. Namun demikian, sekiranya ancaman-ancaman yang wujud sekeliling dan di dalam masyarakat ini tidak ditangani dan disantuni dengan berhemah, tidak mustahil Bahasa Che Wong ini akan mendapat status baharu.


#### **Objektif 2 : Menganalisis sudut pandang dunia komuniti Che Wong dan sistem kekerabatan melalui penggunaan Bahasa**

Sama seperti masyarakat lain, masyarakat Che Wong ini juga mempunyai sudut pandang dunia mereka yang tersendiri. Dalam hal-hal tertentu, sudut pandang mereka agak berbeza dengan sudut pandang masyarakat lain dan dalam hal-hal lain pula mereka mempunyai sudut pandang yang hampir sama dengan masyarakat tersebut. Dalam hal ini, jiran mereka ialah masyarakat Melayu yang tinggal di sekeliling kawasan penempatan mereka sama ada di Kuala Gandah mahupun di Raub.

Bagi masyarakat ini, sebahagian besar daripada generasi lama masih lagi berpegang kepada ajaran nenek-moyang berbanding walaupun generasi muda. Hal ini mempengaruhi pemikiran dan falsafah hidup mereka. Sebagai contoh, generasi lama masih lagi mengamalkan “pantang darah” iaitu satu situasi yang melarang anggota keluarga yang mengalami kematian daripada berjumpa dengan orang lain bagi tempoh 14 hari. Bagi generasi lama, perkara ini masih diamalkan dengan tegas berbanding generasi muda yang semakin meninggalkan amalan ini.

Dalam konteks pergaulan pula, generasi muda mempunyai kadar pergaulan yang lebih luas berbanding generasi lama yang agak terhad kepada anggota keluarga masing-masing atau masyarakatnya sahaja. Hal ini mempengaruhi cara mereka menilai dan memberi makna kepada sesuatu peristiwa atau fenomena. Jika dilihat daripada sudut pandang penggunaan kata ganti atau panggilan, generasi lama masih menggunakan kata ganti di dalam Bahasa Che Wong berbanding generasi muda yang menggunakan kata panggilan daripada Bahasa Melayu.

Berdasarkan pengamatan dan wawancara yang dilakukan dengan anggota masyarakat Che Wong ini, dapat dikatakan bahawa secara umumnya, mereka masih lagi merujuk dan mengaitkan diri mereka dengan pegangan nenek-moyang, namun pada masa yang sama dapat dikesan cara dan gaya pemikiran dalam kalangan generasi muda yang



semakin meninggalkan falsafah tersebut dan beralih kepada nilai dan falsafah asing yang masuk ke dalam masyarakat mereka.

### Objektif 3 : Mengenalpasti pilihan bahasa komuniti Che Wong dalam pelbagai domain

Domain-domain pilihan bahasa dalam kajian ini menggunakan kerangka asas seperti yang diperkenalkan oleh Fishman (1991). Dalam hal yang sama juga, beberapa penyesuaian telah dilakukan terutamanya daripada sudut latar konteks komunikasi dalam masyarakat CW ini. Selain itu, domain-domain ini juga dibentuk agar dapat menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa responden.

Hal ini penting bagi membantu pengaji untuk menentukan bahawa setiap pilihan bahasa yang digunakan oleh penutur adalah bertalian atau dipengaruhi oleh situasi, sama ada situasi tidak formal dan juga situasi formal. Dalam kajian ini, terdapat sepuluh domain yang dipilih untuk menentukan pilihan bahasa digunakan oleh penutur masyarakat Che Wong ini. Domain-domain tersebut adalah,

1. Keluarga
2. Kejiranan
3. Masyarakat
4. Agama
5. Adat Istiadat
6. Makanan
7. Pertanian
8. Perubatan Tradisional
9. Tempat Kerja
10. Pendidikan

Setelah data dianalisis, dapatanya adalah seperti jadual di bawah,

Bahasa	Domain	Keluarga	Kejiranan	Masyarakat	Agama	Adat Istiadat	Makanan	Pertanian	Perubatan Tradisional	Tempat Kerja	Pendidikan
	%										
CW	%	95	90	85	85	90	80	80	92	34	25
BM	%	5	8	10	12	10	17	20	8	63	70
BI	%	0	0	0	0	0	0	0	0	2	5
Bahasa-bahasa lain	%	0	2	5	3	0	3	0	0	1	0
Jumlah		100	100	100	100	100	100	100	100	100	100

Jadual 8 Pilihan Bahasa berdasarkan Domain oleh penutur bahasa CW

Berdasarkan borang selidik tersebut, terdapat sepuluh domain yang disenaraikan berdasarkan pemerhatian sebelum borang soal selidik dibangunkan. Begitu juga halnya jenis dan jumlah Bahasa yang digunakan dalam komunikasi masyarakat ini. Sepanjang pengamatan dijalankan, terdapat empat jenis bahasa yang sering digunakan oleh penutur iaitu bahasa CW, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain (Mandarin,

bahasa suku kaum lain, bahasa Arab dan bahasa Indonesia). Kedua-dua hal tersebut telah disahkan semasa temubual dijalankan serentak dengan pemerhatian terhadap pelbagai aktiviti anggota masyarakat CW ini.

Daripada perspektif kekerapan penggunaan bahasa, didapati bahawa bahasa CW paling kerap dipilih sebagai bahasa komunikasi berbanding bahasa-bahasa lain dalam pelbagai domain. Bahasa CW paling kerap digunakan di dalam domain kekeluargaan iaitu 95%, diikuti oleh domain yang membincangkan perubatan tradisional iaitu 90%, kejiwaan dan adat istiadat sebanyak 90%. Manakala domain penggunaan bahasa CW yang paling kurang ialah domain pendidikan iaitu sebanyak 25%.

Hal ini mungkin disebabkan oleh proses komunikasi dalam kalangan penutur bahasa CW di sekolah sangat kurang. Sebagai contoh, di dalam sesebuah kelas, hanya terdapat sebilangan kecil penutur bahasa CW berbanding bahasa lain. Akibatnya, penggunaan bahasa CW didapati sangat kurang kerana mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu yang merupakan bahasa pengantar dalam sesi PdPc.

Daripada jadual juga, didapati bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang kedua paling kerap digunakan oleh anggota masyarakat CW ini. Ini terbukti melalui dapatan kajian yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu digunakan dalam semua domain termasuklah domain yang dianggap paling intim atau tertutup iaitu domain kekeluargaan. Hal ini sangat menarik perhatian pengkaji kerana boleh ditafsir daripada dua perspektif iaitu baik dan buruk. Fenomena ini menjadi “baik” jika dilihat daripada sudut penguasaan bahasa Melayu dan keluasan penggunaannya. Sebaliknya, keadaan ini menunjukkan bahawa para penutur sudah mulai mencampur adukkan bahasa dalam komunikasi intim ini yang sepatutnya hanya menggunakan bahasa ibunda mereka.

Kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa bahasa lain yang digunakan dalam komunikasi masyarakat CW ini. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Orang Asli kaum lain. Bagi bahasa Inggeris, walaupun mereka tidak menuturkan bahasa Inggeris lengkap dalam ayat yang dituturkan, namun fenomena ini menunjukkan bahawa mereka telah melakukan campur kod dalam komunikasi mereka.

Berdasarkan pengamatan yang dilakukan, kebanyakan kata atau istilah daripada bahasa Inggeris yang digunakan berkaitan dengan istilah-istilah teknologi komunikasi seperti “wasak” (WhatsApp), “donlot” (download), “seng” (send), “data” (data), “aplot” (upload), “topak” (top-up) dan “kol bidio” (video call). Data ini diperoleh semasa pemantauan dilakukan terhadap beberapa orang remaja yang sedang berbincang tentang talipon pintar masing-masing.

Manakala terdapat penggunaan beberapa perkataan daripada bahasa Arab seperti “assalamualaikum”, “Allah”, “insha Allah”, “waalaikumsalam”, “solat” yang merupakan perkataan yang sudah lazim digunakan oleh penutur bahasa Melayu. Bagi bahasa-bahasa lain seperti bahasa Mandarin, bahasa suku Orang Asli lain pula, kekerapan penggunaannya sangat kecil dan di dalam domain yang sangat terbatas. Hal ini disebabkan oleh faktor lawan tutur atau peserta yang terlibat dalam proses komunikasi tersebut. Dari segi domain pekerjaan pula, ada kalangan anggota masyarakat CW ini

bekerja di kilang papan, ladang, tapak binaan dan mereka terlibat dalam pergaulan dengan penutur bahasa Mandarin, tetapi penutur tersebut akan mengubah bahasa pertuturannya kepada bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan penutur bahasa CW ini.

Manakala daripada segi pilihan bahasa berdasarkan julat umur penutur pula, para penutur dibahagikan kepada lima julat umur seperti di dalam jadual di bawah,

Umur penutur	Bahasa yang digunakan (%)				Jumlah Penutur
	Che Wong	Melayu	Inggeris	Lain-lain	
51 ke atas	97 %	2 %	0 %	1 %	9
41 – 50	95 %	3 %	0 %	2 %	13
31 – 40	89 %	8 %	0 %	3 %	16
21 – 30	87 %	9 %	3 %	5 %	27
10 – 20	83 %	16 %	2 %	3 %	35
					100

Jadual 9 Peratusan pilihan Bahasa berdasarkan umur

Dalam kajian ini, penutur yang paling banyak menggunakan bahasa CW ialah penutur yang berada dalam julat umur 51 tahun ke atas. Didapati sebanyak 97% penutur dalam julat umur ini menggunakan bahasa CW dalam komunikasi mereka berbanding bahasa Melayu yang hanya digunakan sebanyak 2%. Manakala penutur yang paling sedikit menggunakan bahasa CW ialah penutur dalam julat umur 10 ke 20 tahun iaitu sebanyak 83%. Di samping itu, mereka juga merupakan penutur yang paling banyak memilih bahasa Melayu sebagai medium komunikasi sebanyak 16%.

Di samping itu, penutur yang paling banyak menggunakan bahasa-bahasa lain (Semai, Jakun, Arab, Mandarin, Tamil dan sebagainya) iaitu sebanyak 5% berada dalam julat umur antara 21 ke 30 tahun. Manakala penutur yang paling sedikit menggunakan bahasa-bahasa lain berada dalam julat umur antara 51 ke atas yang mencatatkan sebanyak 1% sahaja.

Peratusan penggunaan bahasa-bahasa ini sebenarnya memberi gambaran kepada kepentingan dan status bahasa-bahasa tersebut. Peratusan yang tinggi menunjukkan bahawa bahasa tersebut mempunyai peluang dan peranan yang signifikan kepada masyarakat penutur. Manakala peratusan yang kecil pula menggambarkan hal yang sebaliknya.

Hal ini juga boleh dikaitkan dengan factor-faktor non-linguistik yang wujud dan berada disekeliling penutur semasa mereka berkomunikasi seperti yang dijelaskan oleh beberapa orang tokoh bahasa pada bahagian awal penulisan ini. Sebagai contoh, daripada perspektif pendidikan, peluang pendidikan yang semakin meluas diterima oleh generasi masyarakat CW ini juga menyumbang kepada pilihan bahasa mereka. Di sekolah, mereka didedahkan dengan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Selain itu, mereka juga berpeluang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua serta bahasa-bahasa lain sama ada dalam konteks formal mahupun tidak formal. Kesedaran masyarakat CW ini terhadap kepentingan pendidikan semakin baik berbanding sebelum tahun 2000 (Mustafa Omar, 2014). Manakala bagi golongan tua pula, pendedahan mereka terhadap bahasa



Melayu atau bahasa-bahasa lain sangat rendah dan ini menyebabkan mereka kekal sebagai pengguna utama bahasa CW.

Begitu juga dengan perkembangan teknologi turut mempengaruhi repertoire kebahasaan penutur. Hal ini demikian kerana bahasa yang diterima pakai dalam dunia teknologi atau "lingua franca" teknologi ialah bahasa Inggeris. Banyak istilah teknologi daripada bahasa Inggeris telah digunakan dalam percakapan sehari-hari mereka dan keadaan ini menjadi kebiasaan kepada mereka. Hal ini terbukti melalui penggunaan pelbagai istilah teknologi komunikasi dalam bahasa Inggeris yang digunakan dalam bentuk campur kod.

Selain itu, sikap anggota masyarakat CW ini yang semakin terbuka dengan kehadiran orang lain dan keperluan untuk berdamai dengan orang lain turut mempengaruhi kemahiran berbahasa mereka. Dalam hal ini, mereka terlibat dengan pelbagai lapisan masyarakat dan tidak terbatas kepada suku kaum mereka sendiri sahaja. Sebagai contoh, mereka mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat sekitar iaitu di Kampung Kuala Gandah dan Pekan Lanchang. Di sini, terdapat pelbagai kaum seperti orang Cina, India, Melayu dan juga pendatang seperti Indonesia dan Myanmar. Hal ini memberi peluang dan pendedahan yang lebih luas kepada anggota masyarakat CW ini bercampur dengan pelbagai etnik, budaya dan bahasa.

Untuk makluman, di sekitar tempat tinggal masyarakat CW ini, terdapat juga kaum OA lain seperti kaum Semai dan Jahut yang tinggal di pinggir Sungai Treh. Jumlah mereka ini sangat kecil dan mereka tinggal di kawasan ini kerana berpindah mengikut isteri atau suami yang terdiri daripada kaum CW. Kepelbagaian ini juga mempengaruhi masyarakat CW ini menambah repertoire komunikasi mereka. Keberapa mereka berinteraksi dengan pelbagai kaum dan bahasa ini juga mempengaruhi interaksi dalaman mereka.

Dalam kehidupan sekarang, kegiatan ekonomi merupakan satu perkara yang sangat penting. Masyarakat CW ini tidak terkecuali dan sebelum mereka tinggal di penempatan ini, kegiatan ekonomi yang utama ialah bertani sara diri atau tradisional. Namun, berdasarkan perkembangan masa, mereka mula menceburkan diri dengan pelbagai kegiatan ekonomi seperti berniaga hasil hutan, bekerja di kilang papan berhampiran, buruh binaan, kerja ladang, mengambil upah sebagai pekerja pembersihan dan ada juga yang bekerja dalam sektor awam.

Manakala faktor sikap individu penutur juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan kelangsungan atau kepentingan sesebuah bahasa itu. Bagi masyarakat CW ini, didapati mereka masih lagi menjadikan bahasa WC sebagai bahasa utama dalam komunikasi mereka dalam kebanyakan domain, kecuali domain pendidikan (di sekolah). Hal ini berkaitan dengan rasa bangga dan keinginan memelihara warisan dan khazanah budaya mereka supaya dapat diamalkan oleh generasi berikutnya. Sekiranya seseorang penutur itu mempunyai rasa ingin meneruskan dan memelihara bahasa dan budayanya, sudah pastilah unsur-unsur tersebut akan diamalkan dalam pelbagai kesempatan.

Daripada sudut pandang kekerapan penggunaan bahasa dalam masyarakat ini, bahasa CW masih lagi menjadi pilihan utama dalam semua domain komunikasi. Begitu juga halnya dengan penutur bahasa tersebut, didapati bahasa ini dituturkan oleh semua lapisan



penutur pelbagai umur. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa CW mempunyai peluang dan jangka hayat yang baik untuk terus hidup dalam masyarakat ini. Pemilihan bahasa semasa berkomunikasi ini berlaku kerana pelbagai faktor sama ada faktor linguistik mahupun faktor bukan linguistik. Antara faktor domestik yang dapat dikaitkan dengan anggota masyarakat CW ini ialah pendidikan, perkembangan teknologi, pergaulan sosial, kegiatan ekonomi dan sikap penutur bahasa itu sendiri.

Fenomena pemilihan bahasa sama ada secara formal mahupun tidak formal, mempunyai kesan baik dan buruk yang tersendiri terhadap bahasa berkenaan. Kesannya menjadi buruk jika fenomena ini akan meyebabkan bahasa asal, dalam hal ini bahasa CW akan mengusang (decay) kerana jarang digunakan. Manakala kesan akan menjadi baik jika, bahasa CW tetap menjadi pilihan dalam komunikasi rentas umur dalam masyarakat CW ini. Bagi menjawab persoalan sama ada bahasa CW ini masih akan wujud atau pupus pada masa akan datang, berdasarkan dapatan kajian ini, bahasa CW akan terus wujud kerana masih mempunyai penutur terutamanya daripada generasi muda yang akan meneruskan penggunaannya di dalam komunikasi. Namun demikian, peranannya dikhuatiri semakin terancam kerana pelbagai faktor yang berlaku disekelilingnya dan tidak mampu dikawal secara tuntas oleh penuturnya.

#### **Objektif 4 : Mendokumentasikan aspek-aspek linguistik bahasa Che Wong**

Bagi objektif yang keempat ini, pengkaji menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat secara spontan kerana sifat malu anggota komuniti Che Wong ini yang keterlaluan. Hal ini sedikit sebanyak telah mengganggu proses pengumpulan data aspek-aspek linguistic mereka. Walau bagaimanapun, sistem Kata Nama Panggilan telah berjaya dikumpulkan dan dijadikan kajian peringkat Doktor Falsafah oleh Puan Anis Nabilla Ahmad (UMP) dengan tesis berjudul (judul sementara) Rekonstruksi Sistem Kekerabatan Dalam Bahasa Che Wong . Selain itu, beberapa buah cerita rakyat, pantun, teka-teki juga dapat dikumpulkan berdasarkan wawancara dengan beberapa orang responden.

#### **Objektif 5 : Membangunkan aplikasi atas talian bagi membantu pengejalan bahasa Che Wong**

Bagi objektif ini, pasukan pengkaji telah berusaha membina sebuah laman sesawang yang boleh digunakan untuk mempelajari Bahasa Che Wong secara ringkas. Sila rujuk <http://blog.ump.edu.my/orangasli-chewong/>



### 11.0 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan bagi kajian ini, didapati bahawa Bahasa Che Wong masih lagi mempunyai peluang dan ruang untuk hidup. Hal ini demikian kerana Bahasa ini masih lagi digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi dalam kalangan anggota masyarakat ini. Bahasa ini juga didapati diwariskan oleh generasi terdahulu ke generasi muda. Hal ini terbukti melalui dapatan yang menunjukkan bahawa terdapat penutur dalam lingkungan umur kanak-kanak yang boleh dan menggunakan Bahasa Che Wong sebagai alat berkomunikasi dengan golongan di atasnya mahupun sesama rakan sebaya.

Pada masa yang sama, Bahasa ini juga menghadapi ancaman sama ada dari dalam mahupun dari luar. Ancaman dari dalam bermaksud, sistem kebahasaan itu sendiri dan juga sikap penuturnya. Manakala ancaman dari luar pula bermaksud pelbagai cabaran yang dihadapi oleh penutur dan Bahasa ini. Sebagai contoh, kepesatan teknologi, peluang dan perkembangan pendidikan, dasar Bahasa serta kekerapan penggunaannya sebagai wahana dalam komunikasi secara dalaman mahupun luaran. Daripada kajian yang dijalankan ini, dapatlah dikatakan bahawa

UMP

## **Pencapaian**

- i) Name of articles/ manuscripts/ books published

### **Buku**

Jamal Rizal Razali, Anis Nabilla Ahmad & Jamilah Bebe Mohamad. (2019). **Che Wong : Khazanah yang Menghilang**. Kuantan : UMP (dalam cetakan) ISBN 978-967-2226-30-7.

### **Bab dalam Buku**

Jamal Rizal Razali. (2018). *Che Wong : Khazanah yang Hilang* dlm Dirgahayu Darul Makmur (2017). Dirgahayu Darul Makmur. Penerbit UMP : Kuantan

### **Artikel dalam Jurnal**

Anis Nabilla Ahmad, Jamilah Bebe Mohamad & Jamal Rizal Razali. (2016). *Faktor-Faktor Keterancaman Budaya Material Masyarakat Orang Asli Che Wong*. JESOC Vol. 5, Issue 2 October 2016.

Jamal Rizal Razali. Anis Nabilla Ahmad. Jamilah Bebe Mohamad. (2016). *Kearifan Tempatan Che Wong*. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC). Vol.3 Issue of January 2017.

- ii) Title of Paper presentations (international/ local)

#### **International**

- a. Anis Nabilla Ahmad & Jamal Rizal Razali. (2016). **Che Wong : Khazanah yang Menghilang**. *KL5th Kuala Lumpur International Communication , Education, Language, & Social Science Conference (KLICELS)*.19-20 November 2016
- b. Jamilah Bebe Mohamed, Anis Nabilla Ahmad & Jamal Rizal Razali. (2016). **Tinjauan Amalan Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli Che Wong** *International Conferences of Humanities(ICH2016 USM)*

- c. Anis Nabilla Ahmad, Jamilah Bebe Mohamad & Jamal Rizal Razali. (2017). **Dimensi Penggunaan Bahasa: Kes Penggunaan Kata Ganti Diri Dalam Bahasa Che Wong.** Persidangan Antarabangsa Linguistik Bahasa Melayu, Universiti Sains Malaysia 16-17 November 2017. ISBN 978-967-394-303-6

**Local**

- a. Jamal Rizal Razali. (2015). **Bahasa Che Wong di mata UNESCO** dibentang dalam Seminar Pedagogi Peribumi Kebangsaan 2015 anjuran IPGAA Kuala Lipis
- b. Jamal Rizal Razali, ANis Nabilla Ahmad & Jamilah Bebe Mohamad. (2019). ***Che Wong : daday habaq me!*** dibentang dalam Seminar Penyelidik Pahang 2019 anjuran Kumpulan Penyelidik Pahang di Bentong pada 5 Januari 2019.
- c. Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabila Ahmad. (2109). ***Che Wong : Amalan Sosiobudaya dan Masa Depannya*** dalam Seminar Kebangsaan Pedagogi Orang Asli di IPG Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis Pahang Darul Makmur pada 23-25 Sept 2019

## TINJAUAN AMALAN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI CHE WONG<sup>1</sup>

Jamilah Bebe binti Mohamad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
[ella\\_jamilahbebe@yahoo.com](mailto:ella_jamilahbebe@yahoo.com), [jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my)  
012-4682213/ 011-37709569

Anis Nabilla Binti Ahmad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
[anis.nabilla.ahmad118@gmail.com](mailto:anis.nabilla.ahmad118@gmail.com)  
013-4563279

Dr. Jamal Rizal bin Razali  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
[jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my), [razalirizal@gmail.com](mailto:razalirizal@gmail.com)  
09-424 6917/6805/019-932 2292.

### Abstrak

*Makalah ini akan membincangkan perihal amalan sosiobudaya masyarakat orang asli Che Wong yang tinggal di kawasan Kuala Gandah, Temerloh Pahang. Amalan sosiobudaya ialah merujuk kepada perbuatan, tingkah laku, amalan dan gaya hidup yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Konsep sosiobudaya ini sering menaungi dan diamalkan oleh kebanyakan masyarakat penduduk dunia. Dalam makalah ini, amalan sosiobudaya yang dibincangkan berfokus kepada amalan dalam sistem ekonomi, sosial dan budaya material yang terdapat dalam masyarakat ini. Ketiga-tiga amalan sosiobudaya ini bukan sahaja melatari kehidupan masyarakat Che Wong, tetapi merupakan identiti kepada kewujudan kaum ini. Data kajian ini diperolehi melalui hasil tinjauan di lapangan dan temu bual dengan 78 orang responden orang asli Che Wong. Perbincangan menunjukkan terdapat amalan sosiobudaya tertentu yang diamalkan oleh masyarakat ini. Namun demikian, pada masa yang sama dan bersesuaian dengan gaya hidup serta persekitaran mereka, amalan sosiobudaya masyarakat orang asli Che Wong ini sedang dipengaruhi oleh amalan sosiobudaya kumpulan masyarakat lain di negara ini.*

**Kata Kunci:** *amalan sosiobudaya, masyarakat orang asli Che Wong, sistem ekonomi, sistem sosial, budaya material.*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di *International Conference of Humanities 2016 (ICH2016)* pada 22-23 Disember 2016 bertempat di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia Pualu Pinang MALAYSIA. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



## CHE WONG : KHAZANAH YANG MENGHILANG<sup>1</sup>

Jamilah Bebe binti Mohamad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
[ella\\_jamilahbebe@yahoo.com](mailto:ella_jamilahbebe@yahoo.com), [jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my)  
012-4682213/ 011-37709569

Anis Nabilla Binti Ahmad  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
[anis.nabilla.ahmad118@gmail.com](mailto:anis.nabilla.ahmad118@gmail.com)  
013-4563279

Dr. Jamal Rizal bin Razali  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang, MALAYSIA  
[jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my), [razalirizal@gmail.com](mailto:razalirizal@gmail.com)  
09-424 6917/6805/019-932 2292.

### Abstrak

Makalah ini membincangkan satu aspek khusus dalam masyarakat Che Wong, iaitu budaya material yang dikategorikan sebagai salah satu unsur "local wisdom" (kearifan tempatan). Istilah ini merujuk kepada pengetahuan eksplisit yang telah wujud atau muncul dalam jangka waktu yang panjang dan berevolusi dengan masyarakat dan dialami secara bersama. Kearifan tempatan wujud dalam bahasa, kemahiran, produk, sistem dan seni yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat dan menjadi tanda pengenal mereka. Bagi masyarakat Orang Asli Che Wong yang tinggal di Kuala Gandah, Temerloh ini, terdapat beberapa kemahiran yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang masih diamalkan sehingga kini dan boleh dikategorikan sebagai kearifan tempatan. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang dikutip menggunakan pendekatan kualitatif, terdapat beberapa kemahiran tempatan masyarakat ini sedang mengalami proses pengusangan. Hal ini berlaku kerana terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi komuniti Che Wong ini tidak mengamalkannya. Sekiranya tiada sebarang usaha mendokumentasikannya dan pewarisan, dikhuatiri kearifan tempatan milik masyarakat ini akan pupus buat selama-lamanya. Hal ini merupakan satu petanda kepada kehilangan identiti atau tanda pengenal masyarakat Che Wong ini.

Kata kunci: *orang asli, Che Wong, budaya material, kearifan tempatan*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini akan dibentangkan di 5<sup>th</sup> Kuala Lumpur Communication, Education, Language, & Social Science Conference (KLICELS) pada 19-20 November 2016 bertempat di Hotel Bangi, Putrajaya MALAYSIA. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

## Kearifan Tempatan Che Wong<sup>1</sup>

Jamal Rizal Razali<sup>2</sup>, Hasmadi Hassan<sup>3</sup>, Imaduddin Abidin<sup>4</sup>, Jamilah Bebe Mohamad<sup>5</sup>, Anis Nabilla Ahmad<sup>6</sup>

Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAHANG, 26300 Kuantan, Pahang  
[jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my), [hasmadi@ump.edu.my](mailto:hasmadi@ump.edu.my), [imaduddin@ump.edu.my](mailto:imaduddin@ump.edu.my), [jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my),  
[anis.nabilla.ahmad118@gmail.com](mailto:anis.nabilla.ahmad118@gmail.com)

### Abstrak

Makalah ini membincangkan perihal kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Che Wong. Masyarakat ini adalah salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli dan tergolong dalam Senoi subgroup. Kaum ini sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya. Sehingga tahun 2014, jumlah anggota masyarakat Che Wong dianggarkan hanya tinggal sekitar 650 orang (JAKOA). Hal ini akan mempengaruhi proses pewarisan budaya mereka kepada generasi berikutnya yang mendorong kepada keusangan, kenazakan dan seterusnya kepupusan budaya tersebut. Bagi masyarakat Orang Asli Che Wong yang tinggal di Kuala Gandah, Temerloh ini, terdapat beberapa kemahiran yang diwarisi daripada generasi terdahulu yang masih diamalkan sehingga kini yang dikategorikan sebagai kearifan tempatan (*local wisdom*). Istilah ini merujuk kepada pengetahuan eksplisit yang telah wujud dalam jangka waktu yang panjang dan berevolusi dengan masyarakat serta menjadi tanda pengenalan mereka. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang dikutip menggunakan pendekatan kualitatif, terdapat beberapa kemahiran tempatan masyarakat ini sedang mengalami proses pengusangan. Hal ini berlaku kerana terdapat pelbagai faktor yang sedang melanda komuniti Che Wong ini dari dalam dan luar. Sekiranya tiada sebarang usaha pendokumentasian dan pewarisan, kearifan tempatan milik masyarakat ini mungkin akan pupus buat selama-lamanya. Hal ini demikian kerana budaya sesebuah masyarakat itu menyimpan pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan atau lebih besar lagi "weltanschauung" masyarakat berkaitan.

Kata kunci: *orang asli, Che Wong, budaya, kearifan tempatan*

### Abstract

This paper discusses about the local wisdom of the society Che Wong. This community is one of the 18 tribes of indigenous peoples and belongs to Senoi subgroup. These people are experiencing shrinking number of members of its community. Up to 2014, the number of members of the society Che Wong estimated only about 650 people (JAKOA). This will affect the process of their cultural inheritance to the next generation which leads to obsolescence, dying and cultural extinction. For Che Wong community who lived in Kuala Gandah, Temerloh, there are skills that are inherited from previous generations which still practiced until now can be categorized as local wisdom (*local wisdom*). This term refers to the explicit knowledge that already exists for a long time ago and it evolved with society as well as their identification. However, based on data collected using a qualitative approach, there are a number of local communities skills is currently undergoing the process of aging. This is related to many factors that threat Che Wong communities internal and externally. If the process of documentation and inheritance take place, the local knowledge of these communities may be lost forever. Nevertheless, the culture of a society that stores a variety of information such as philosophy, thinking, worldview, medical information, lineage or "weltanschauung" of relevant community.

Keywords: *orang asli (aborigine), Che Wong, culture, local wisdom*

<sup>1</sup> Kertas kerja ini diterbitkan dalam *International Journal of Humanities Technology and Civilization* (IJHTC Vol. 2, December 2016) terbitan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur MALAYSIA. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran

projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

<sup>2</sup> Jamal Rizal Razali, PhD ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan. Bidang tujahan beliau ialah Linguistik Kognitif, Sociolinguistik, Keterancaman Bahasa, Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang (09-424 6917/6805/019-932 2292).

<sup>3</sup> Hasmedi Hassan, ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan. Bidang tujahan beliau ialah Pendidikan, Pentadbiran Pendidikan, E-Learning, Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang.

<sup>4</sup> Imaduddin Abidin ialah Pensyarah di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan. Bidang tujahan beliau ialah Pentadbiran Perniagaan, Kebolehpasaran Graduan, Pemikiran Strategik Kenegaraan, Kemahiran Insaniah dan Warisan Pahang.

<sup>5</sup> Jamilah Bebe Mohamad ialah Guru Bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang,. Bidang kajian beliau Bahasa, Linguistik, Sociolinguistik dan Kemahiran Insaniah.

<sup>6</sup> Anis Nabilla Ahmad ialah pelajar pasca siswazah di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan. Beliau menjalankan kajian berkaitan Sistem Kekeabatan Dalam Bahasa Che Wong.



UMP

**Dimensi Penggunaan Bahasa : Kes Penggunaan Kata Ganti Diri Dalam Bahasa Che Wong<sup>1</sup>**

**Anis Nabilla Ahmad<sup>2</sup>, Jamilah Bebe Mohamad<sup>3</sup>, Razali, JR<sup>4</sup>**

Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia PAHANG, 26300 Kuantan, Pahang  
[anis.nabilla.ahmad118@gmail.com](mailto:anis.nabilla.ahmad118@gmail.com), [jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my), [jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my)

**Abstrak**

Makalah ini membincangkan perihal penggunaan kata ganti diri oleh masyarakat Orang Asli Che Wong. Kaum ini merupakan salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli di Malaysia dan tergolong dalam kaum Senoi. Mereka menuturkan bahasa Che Wong yang dikategorikan dalam Bahasa Aslian yang berada dalam keluarga Bahasa Mon-Khmer (Signe Howell 2006:65) atau Bahasa Asli Utara (Sarifuddin 2013:7). Masyarakat ini tinggal di negeri Pahang iaitu di Penempatan Orang Asli Sungai Pasu, Penempatan Orang Asli Sungai Yol di Raub dan Penempatan Orang Asli Kuala Gandah di Temerloh. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh JAKOA, jumlah anggota kaum ini dianggarkan seramai 650 orang sahaja (2014). Daripada data yang dikutip menggunakan pendekatan kualitatif, masyarakat ini melakukan pelbagai proses penyesuaian antara kedua-dua faktor tersebut dalam proses komunikasi mereka. Salah satu aspek yang dapat dikesan ialah kepelbagaian penggunaan kata ganti diri bagi konteks yang berbeza. Fenomena ini membawa kesan baik dan buruk sama ada kepada penutur mahupun kepada bahasa tersebut. Kesan menjadi baik kerana memperluas repertoire penutur bahasa tersebut dan buruk apabila berlaku penggantian kata. Hal ini juga memperlihatkan dimensi penggunaan bahasa oleh penutur dalam pelbagai situasi.

Kata kunci: orang asli, Che Wong, kata ganti diri, penggunaan

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Linguistik Bahasa Melayu, Universiti Sains Malaysia 16-17 November 2017. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

<sup>2</sup> Pelajar pasca siswazah di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan. Kajiannya berkaitan dengan Sistem Keperibatan Masyarakat Che Wong.

<sup>3</sup> Guru Bahasa (Bahasa Melayu) di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan. Bidang tujahan beliau ialah Linguistik Kognitif, Sociolinguistik, Keterancaman Bahasa dan Kemahiran Insaniah.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan. Bidang tujahan beliau ialah Linguistik Kognitif, Sociolinguistik, Keterancaman Bahasa, Kearifan Tempatan dan Warisan Pahang.

## Bahasa Che Wong di mata UNESCO

Jamal Rizal bin Razali, PhD

Jabatan Sains Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Pahang

26300 Gambang

Pahang Darul Makmur

[jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my), [razalirizal@gmail.com](mailto:razalirizal@gmail.com)

### Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan perihal keberadaan bahasa Che Wong. Bahasa ini dituturkan oleh kaum Che Wong yang merupakan salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli dan tergolong dalam Senoi subgroup. Kaum ini sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya. Sehingga tahun 2014, jumlah anggota masyarakat Che Wong dianggarkan hanya tinggal sekitar 650 orang (JAKOA). Daripada sudut pandang linguistik, jumlah penutur sesebuah bahasa sangat berkaitan dengan kelangsungan hidup (survival) sesebuah bahasa. Hal ini akan mempengaruhi proses pewarisan budaya dan bahasa ibunda mereka ke generasi berikutnya yang mendorong kepada keusangan, kenazakan dan seterusnya kepupusan bahasa tersebut. Kepupusan sesebuah bahasa adalah bencana kepada kelangsungan hidup sesebuah bangsa dan kemanusiaan kerana melalui bahasa, manusia menyimpan pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan atau “weltanschauung”. Melalui Kriteria Kelangsungan Hidup Bahasa yang diperkenalkan oleh UNESCO (Language Vitality Criteria, 2003), keberadaan bahasa Che Wong akan disoroti bagi mendapatkan gambaran umum tentang nasib bahasa tersebut.

Katakunci : Che Wong, bahasa terancam, sikap penutur, pilihan Bahasa

Dibentang dalam Seminar Pedagogi Peribumi Kebangsaan 2015 anjuran IPGAA Kuala Lipis. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.



**Che Wong : *daday habaq mel***

**Jamal Rizal Razali, Anis Nabilla Ahmad & Jamilah Bebe Mohamad**  
**Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan**  
**Universiti Malaysia Pahang**

**Abstrak**

Kertas ini membincangkan perihal masyarakat Orang Asli (OA) Che Wong (CW) serta kaitannya dengan bahasa dan budaya. Secara lebih khusus, tiga perkara akan disoroti iaitu, asal-usul, situasi kebahasaannya dan ancaman terhadap kelangsungan budaya material mereka. CW ialah salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli dan tergolong dalam Senoi subgroup. Kaum ini sedang mengalami penyusutan jumlah anggota komunitinya. Pada tahun 2014, jumlah anggota masyarakat Che Wong dianggarkan hanya tinggal sekitar 650 orang (JAKOA). Keadaan ini merupakan loceng amaran kepada pelbagai perkara yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Hal ini demikian kerana kekurangan manusia merupakan indikator kepada semakin kurangnya peluang bahasa, budaya dan tradisi mereka untuk terus diamalkan. Daripada sudut pandang linguistik, jumlah penutur sesebuah bahasa sangat berkaitan dengan kelangsungan hidup (survival) sesebuah bahasa. Berdasarkan data yang dikutip menggunakan pendekatan kualitatif, terdapat beberapa kemahiran tempatan masyarakat ini sedang mengalami proses pengusangan. Hal ini berlaku kerana terdapat pelbagai faktor yang sedang melanda komuniti CW ini dari dalam dan luar. Selain itu juga terdapat kecenderungan dalam kalangan anggota masyarakat ini yang kelihatannya memisahkan diri mereka daripada beberapa amalan atau tradisi masyarakat CW. Keadaan ini akan mempengaruhi proses pewarisan budaya dan bahasa ibunda mereka ke generasi berikutnya yang mendorong kepada keusangan, kenazakan dan seterusnya kepupusan kedua-dua unsur tersebut. Kepupusan unsur-unsur tersebut adalah bencana kepada kelangsungan hidup sesebuah bangsa dan kemanusiaan kerana melalui budaya dan bahasa, manusia menyimpan pelbagai maklumat seperti falsafah pemikiran, pandangan dunia, maklumat perubatan, garis keturunan atau lebih besar lagi "*weltanschauung*" masyarakat berkaitan. Melalui Kriteria Kelangsungan Hidup Bahasa yang diperkenalkan oleh UNESCO (Language Vitality Criteria, 2003), keberadaan bahasa dan budaya CW akan disoroti bagi mendapatkan gambaran umum tentang nasib bahasa tersebut.

Katakunci : Che Wong, bahasa dan budaya terancam, asal-usul, situasi kebahasaan, kriteria kelangsungan bahasa

Dibentang dalam Seminar Seminar Penyelidik Pahang 2019 anjuran Kumpulan Penyelidik Pahang di Bentong pada 5 Januari 2019. Kertas kerja ini juga hasil daripada geran projek penyelidikan FRGS nombor rujukan RDU150108 (Kajian Tahap Keterancaman Bahasa Che Wong) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

